




**DR. 1 TAHUN 2006
MALAYSIA**



**LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT UNTUK MENKAKAJI
RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2004
DAN
RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2004**

**DEWAN RAKYAT
Yang Kesebelas
(PENGGAL KETIGA)**

NASKAH INI TIDAK BOLEH DIBAWA
KELUAR DARI BILIK PUSAT SUMBER
PARLIMEN MALAYSIA.

DR. 1 TAHUN 2006

25F
548
SSSB

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Yang Kesebelas

(Penggai Ketiga)

LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT UNTUK MENGAJI

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2004,

DAN

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2004

**LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT UNTUK MENGAJI
RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2004
DAN
RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2004**

KANDUNGAN

**BAHAGIAN I
Pengenalan**

	Muka Surat
• Jawatankuasa dan terma rujukan	1
• Tarikh mesyuarat dan tempat yang dilawati oleh Jawatankuasa	6
• Lawatan kerja ke luar negara	7
• Lawatan ke Ibu Pejabat Daerah Polis Sentul	9
• Keterangan kata demi kata dan memorandum daripada orang ramai	9

BAHAGIAN II

Maklum balas daripada orang ramai dan syor Jawatankuasa berhubung dengan Kanun Keseksaan

• Kesalahan Seksual	11
• Kesalahan curi ragut	22
• Kesalahan-kesalahan lain	24

BAHAGIAN III

Maklum balas daripada orang ramai dan syor Jawatankuasa berhubung dengan Kanun Tatacara Jenayah

• Penyalahgunaan peruntukan tangkapan dan reman: Seksyen 28, 28A dan 117 KTJ	27
--	----

• Kuasa-kuasa siasatan polis: Pemeriksaan saksi dan suspek di bawah seksyen 112 dan 113 KTJ	37
• Rakaman pengakuan oleh majistret: seksyen 115 KTJ	39
• Membuat laporan polis: seksyen 107 KTJ	40
• Kegagalan melaporkan kesalahan-kesalahan tertentu: seksyen 13 KTJ	41
• Pemeriksaan orang yang ditangkap: seksyen 20A KTJ	42
• Laporan berkaitan dengan status siasatan: seksyen 107A, 110 dan 120 KTJ	47
• Tatacara berkaitan dengan kes-kes melibatkan keganasan: seksyen 106A, 106B dan 106C KTJ	51
• Penzahiran praperbicaraan (Pre-trial discovery): seksyen 51A KTJ	53
• Tafsiran <i>prima facie</i> : seksyen 173(f) dan 180 KTJ	54
• Hak tertuduh di akhir kes pendakwaan: seksyen 173 KTJ	55
• Keterangan secara langsung melalui video atau televisyen: seksyen 272B KTJ	55
• Tanggungan kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia: seksyen 127A KTJ	58
• Hukuman sebatan kepada penjenayah berumur lebih 50 tahun bagi kesalahan seksual: seksyen 289 KTJ	58
• Perintah Khidmat Masyarakat: seksyen 293 KTJ	60
• Kaunseling pemulihan bagi pesalah seksual: seksyen 295 KTJ	64

BAHAGIAN IV
KESIMPULAN

• Kesimpulan	69
--------------	----

LAMPIRAN

- **Lampiran 1:** Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan Pindaan 2004 dalam dwibahasa (D.R. 15/2004).
- **Lampiran 2 :** Pindaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas kepada Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dalam dwibahasa.
- **Lampiran 3 :** Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 (Akta A1210) dalam dwibahasa yang telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan pada 25 Disember 2003 tetapi belum dikuatkuasakan.
- **Lampiran 4 :** Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan dalam dwibahasa yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menggantikan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 (D.R. 15/2004).
- **Lampiran 5 :** Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 dalam dwibahasa (D.R. 16/2004).
- **Lampiran 6 :** Pindaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas kepada Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 dalam dwibahasa.
- **Lampiran 7 :** Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menggantikan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 (D.R. 16/2004).

D.R. 1 TAHUN 2006

LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT UNTUK MENGENALAN
RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2004 D.R. 15/2004
DAN
RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2004 D.R.
16/2004

BAHAGIAN I

Pengenalan

Jawatankuasa dan terma rujukan

1. Kami, Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk Mengkaji Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 (D.R. 15/2004) dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 (D.R. 16/2004) telah dilantik oleh Dewan Rakyat pada 20 Julai 2004 mengikut ketetapan yang berikut:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan bahawa -

- (a) Bagi maksud menimbangkan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004, maka menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 54(1) kedua-dua Rang Undang-Undang itu diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk membuat syor-syor mengenainya;

(b) Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

- (1) Y.B. Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) sebagai Pengerusi;
- (2) Y.B. Datuk Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong);
- (3) Y.B. Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy (Cameron Highlands);
- (4) Y.B. Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah);
- (5) Y.B. Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang);
- (6) Y.B. Tuan Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh); dan
- (7) Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh).

(c) Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah mengkaji Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 pada keseluruhannya dan memberi pandangan serta membuat syor ke atas peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya;

(d) Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan laporannya itu kepada Majlis pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Kesebelas yang akan datang atau lebih awal daripada itu.”.

2. Dewan Rakyat pada 12 Julai 2005 telah membuat satu lagi ketetapan yang berikut:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 27(3) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat:

- (a) bahawa Majlis ini mengambil maklum bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas yang kepadanya diserahkan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 (D.R. 15/2004) dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 (D.R. 16/2004) melalui ketetapan yang dibuat oleh Majlis pada 20 Julai 2004 untuk membuat kajian menyeluruh dan mengemukakan syor-syor ke atasnya dan untuk menyiapkan dan membentangkan laporannya dalam Mesyuarat yang sedang berlangsung sekarang atau lebih awal daripada itu, memerlukan masa yang lebih panjang untuk menyiapkan laporan bagi membolehkannya mengkaji dan meneliti Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Penyusunan Polis Diraja Malaysia yang turut terkandung dalamnya syor-syor yang menyentuh peruntukan-peruntukan Kanun Tatacara Jenayah; dan
- (b) bahawa Majlis membuat ketetapan memberi Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut perlanjutan masa untuk menyiapkan laporannya dan laporan itu hendaklah dibentangkan kepada Majlis dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen yang Kesebelas.”

3. Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Mengkaji Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 (selepas ini dirujuk sebagai “Jawatankuasa”) dengan ini membentangkan Laporan Jawatankuasa kepada Majlis yang mulia menurut ketetapan-ketetapan di atas.

4. Jawatankuasa dalam mesyuarat persediaan yang telah diadakan pada 26 Julai 2004 telah membincang dan membuat keputusan mengenai bidang kuasa dan tugas serta kuasa-kuasa Jawatankuasa dan bagaimana hendak melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepadanya oleh Majlis. Dalam hal ini, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang relevan berhubung dengan bidang kuasa dan tugas Jawatankuasa iaitu Peraturan 55(1), 55(2), 55(3), 83(2) dan 83(4), telah dipertimbangkan. Peraturan-peraturan itu berbunyi seperti yang berikut:

“55. (1) Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang sebelum bacaan kali yang kedua, boleh membincangkan butir-butir Rang Undang-Undang tersebut dan juga baik buruk dasar-dasarnya.

(2) Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang selepas bacaan kali yang kedua tidak boleh membahaskan dasar Rang Undang-undang tersebut tetapi hanya butir-butirnya sahaja.

(3) Dengan tertakluk kepada cerai (1) dan kepada syarat-syarat Perkara 67 dalam Perlembagaan, Jawatankuasa demikian ini berkuasa membuat apa-apa pindaan kepada Rang Undang-undang itu yang difikirkannya patut, dengan syarat pindaan-pindaan itu (termasuk fasal-fasal baharu dan jadual-jadual baharu) kena-mengena dengan perkara isi Rang Undang-undang itu; tetapi jika apa-apa pindaan itu tidak seturut dengan nama Rang Undang-undang itu, Jawatankuasa itu hendaklah meminda nama Rang Undang-undang itu bagi mensesuainya, dan hendaklah memaklumkan hal itu kepada Majlis.

83. (2) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan boleh mengeluarkan penyata kepada Majlis mengandungi fikiran dan pandangannya serta dengan butir-butir keterangan yang telah diberi di hadapannya.;

83. (4) Perbincangan Jawatankuasa Pilihan itu hendaklah dihadkan kepada perkara yang diserahkan oleh Majlis kepadanya dan juga kepada apa-apa yang berkenaan dengan perkara itu seperti yang ditambah atau dihadkan oleh Majlis. Berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan yang menimbang Rancangan Undang-undang, perbincangan Jawatankuasa itu hendaklah dihadkan kepada Rancangan Undang-Undang itu dan kepada pindaan-pindaan yang berkaitan dengan Rancangan Undang-undang itu.”.

5. Sehubungan itu, Jawatankuasa telah bersetuju untuk mengkaji secara terperinci peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam Rancangan Undang-Undang Kanun Keseksan (Pindaan) 2004 dan Rancangan Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Satu salinan Rancangan Undang-Undang Kanun Keseksan (Pindaan) 2004 (D.R. 15/2004) dan Rancangan Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 (D.R. 16/2004) dilampirkan bersama Laporan ini sebagai Lampiran 1 dan 5 masing-masing. Jawatankuasa juga bersetuju mengkaji secara menyeluruh peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksan dan Kanun Tatacara Jenayah. Bidang kuasa Jawatankuasa mengenai perkara ini juga telah diberi penekanan semasa pembentangan usul untuk mengemukakan kedua-dua Rancangan Undang-Undang itu kepada Jawatankuasa oleh Pengerusi Jawatankuasa pada 20 Julai 2004. Seterusnya semasa mengemukakan usul yang kedua bagi melanjutkan tempoh pembentangan Laporan Jawatankuasa ke Dewan Rakyat, Pengerusi Jawatankuasa sekali lagi telah menjelaskan bahawa Jawatankuasa sedang mengkaji Rancangan Undang-Undang Kanun Keseksan (Pindaan) 2004 dan Rancangan Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 secara menyeluruh dengan mengambil kira syor-syor yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Di Raja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Di Raja Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Laporan Suruhanjaya PDRM”) berhubung dengan Kanun Keseksan dan Kanun Tatacara Jenayah.

6. Dalam menjalankan tugasnya Jawatankuasa juga telah mengkaji dan mengambil kira syor-syor yang terkandung di dalam “Laporan Suruhanjaya Untuk Menyiasat

Prosedur Tetap Operasi, Kaedah-Kaedah Atau Peraturan-Peraturan Berhubung Dengan Pengendalian Pemeriksaan Tubuh Berkenaan Dengan Penangkapan dan Penahanan Oleh Polis" (selepas ini dirujuk sebagai "Laporan Suruhanjaya Pemeriksaan Tubuh") yang telah disiarkan kepada orang ramai pada bulan Januari 2006 kerana Laporan tersebut turut menyentuh beberapa peruntukan di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Tarikh mesyuarat dan tempat yang dilawati oleh Jawatankuasa

7. Jawatankuasa telah mengambil keputusan untuk menjelajahi beberapa tempat di seluruh negara bagi mendapatkan pandangan dan buah fikiran orang ramai mengenai Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 sesuai dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 83(2). Tempat yang dilawati oleh Jawatankuasa untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai dan wakil persatuan/pertubuhan dan tarikh lawatan itu adalah seperti dalam Jadual yang berikut:

Jadual: Tarikh mesyuarat dan tempat yang dilawati oleh Jawatankuasa

Tarikh	Tempat	Bilangan Persatuan / Pertubuhan	Bilangan orang Perseorangan
16-08-2004	Kuala Lumpur	13	4
17-08-2004			
18-08-2004			
19-08-2004			
20-08-2004			
18-10-2004	Sabah	7	1
19-10-2004			
21-10-2004	Sarawak	8	6
22-10-2004			
28-10-2004	Pulau Pinang	7	1
29-10-2004			

Tarikh	Tempat	Bilangan Persatuan / Pertubuhan	Bilangan orang Perseorangan
31-10-2004	Kedah	1	6
02-11-2004 03-11-2004	Perak	6	3
03-01-2005 04-01-2005	Johor	6	3
06-01-2005	Melaka	4	3
07-01-2005	Negeri Sembilan	7	-
10-1-2005	Kelantan	2	1
11-01-2005	Terengganu	3	6
13-01-2005	Pahang	3	1

Lawatan kerja ke luar negara

8. Lawatan kerja telah dibuat ke New Zealand dan Australia untuk mengadakan perbincangan dengan organisasi tertentu pada tarikh seperti yang berikut:

New Zealand (28 Februari hingga 1 Mac 2005)

- (a) 28 Februari 2005 – Mesyuarat dengan pegawai-pegawai “Ministry of Justice, New Zealand”;
- (b) 28 Februari 2005 – Mesyuarat dengan “New Zealand Law Society” berkaitan dengan undang-undang jenayah dari sudut pendakwaan dan pembelaan; dan

- (c) 1 Mac 2005 – Mesyuarat dengan “Law and Order Committee New Zealand Parliament” yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Martin Gallaher yang sedang mengkaji “Criminal Procedure Bill (New Zealand)” bersama dengan penasihat dari “Ministry of Justice, Police, Parliamentary Counsel Office”.

Australia (2 hingga 4 Mac 2005)

- (a) 3 Mac 2005 – Mesyuarat dengan ahli-ahli “Legal and Constitutional Committee”; Senator Payne (Pengerusi), Senator Bolkus (Timbalan Pengerusi) dan Senator Mason;
- (b) 3 Mac 2005 – Mesyuarat bersama dengan “The Criminal Law Policy Division of the Attorney General’s Department, The Australian Federal Police, The Australian Commonwealth Territories Police and the Department of Public Prosecutions”;
- (c) 3 Mac 2005 – Mesyuarat dengan ahli-ahli “Law Council of Australia”; dan
- (d) 4 Mac 2005 – Mesyuarat dengan ahli-ahli “Australian Institute of Criminology”.

9. Tujuan lawatan kerja ke luar negara adalah untuk menimba pengalaman dan mengkaji undang-undang yang sedia ada di New Zealand dan Australia berhubung dengan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Lawatan kerja ini sangat bermanfaat kerana telah dapat memperluaskan pengetahuan ahli Jawatankuasa dan memberi maklumat tentang undang-undang jenayah dan undang-undang tatacara jenayah serta memberi pengetahuan mengenai isu-isu yang berhubung dengan undang-undang tersebut.

Lawatan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul (IPD Sentul)

10. Jawatankuasa juga telah membuat satu lawatan ke IPD Sentul untuk melihat sendiri cara orang ramai membuat laporan polis, keadaan lokap serta kemudahan-kemudahan yang ada untuk pegawai penyiasat menjalankan tugas mereka.

Keterangan kata demi kata dan memorandum daripada orang ramai

11. Lebih daripada 70 persatuan, pertubuhan dan individu telah hadir di hadapan Jawatankuasa sepanjang prosiding pendengaran Jawatankuasa berlangsung. Mereka telah tampil untuk memberi pendapat, cadangan serta memorandum mengenai Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Jawatankuasa juga menerima banyak surat dan e-mel daripada orang ramai serta individu yang memberikan komen serta cadangan mengenai Rang Undang-Undang tersebut serta perkara-perkara lain yang melibatkan perkara jenayah. Pendengaran prosiding tersebut telah dirakam secara kata demi kata. Transkrip keterangan kata demi kata oleh orang ramai disertakan bersama ini dalam bentuk CD-ROM dan juga boleh didapati di Pusat Sumber Parlimen dan laman web Parlimen.

12. Beberapa pihak telah dijemput atau menghadirkan diri untuk memberi pandangan serta pendapat mereka berhubung dengan peruntukan-peruntukan di dalam

Kanun Tatacara Jenayah dan Kanun Keseksaan. Antara pihak tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) Peguam Negara;
- (b) Timbalan Ketua Polis Negara;
- (c) Wakil Majlis Peguam Malaysia;
- (d) Wakil Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan;
- (e) Wakil Penjara; dan
- (f) Wakil Joint Action Group – Violence Against Women (JAG-VAW)

13. Urusetia Jabatan Parlimen telah mengedarkan naskah-naskah Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 kepada orang ramai. Radio dan televisyen Malaysia dan juga akhbar-akhbar tempatan telah bekerjasama menyiarkan berita mengenai lawatan-lawatan Jawatankuasa ini ke tempat-tempat yang ditetapkan. Hasil daripada usaha-usaha ini, Jawatankuasa telah menerima lebih daripada 40 naskah memorandum daripada persatuan/pertubuhan dan orang ramai. Memorandum tersebut telah disertakan bersama ini dalam bentuk CD-ROM dan juga boleh didapati di Pusat Sumber Parlimen Malaysia.

14. Hasil perbincangan dan kajian yang dijalankan, Jawatankuasa mencadangkan beberapa pindaan kepada Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. **Lampiran 2** mengandungi cadangan pindaan Jawatankuasa kepada Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 manakala **Lampiran 4** ialah Rang Undang-Undang yang dicadangkan oleh Jawatankuasa untuk menggantikan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004. **Lampiran 3** merupakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 [Akta A1210] yang telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan pada 25 Disember 2003 tetapi belum dikuatkuasakan. Lampiran 3 ini disertakan kerana ia telah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa dalam membuat syor-syor seperti yang terdapat dalam Lampiran 4. **Lampiran 6** mengandungi cadangan pindaan Jawatankuasa

kepada Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 D.R. 16/2004 manakala **Lampiran 7** ialah Rang Undang-Undang yang dicadangkan oleh Jawatankuasa untuk menggantikan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004.

BAHAGIAN II

MAKLUM BALAS DARIPADA ORANG RAMAI DAN SYOR JAWATANKUASA BERHUBUNG DENGAN KANUN KESEKSAAN

15. Jawatankuasa telah mengadakan perbincangan dengan orang ramai di seluruh negara dan hasil daripada perbincangan tersebut Jawatankuasa telah mengkategorikan maklum balas yang diterima kepada tiga kategori seperti yang berikut:

- (a) Kesalahan seksual;
- (b) Kesalahan curi ragut; dan
- (c) Kesalahan-kesalahan lain.

Kesalahan seksual

16. Jawatankuasa telah menerima banyak maklum balas berhubung dengan kesalahan seksual. Berdasarkan maklum balas yang diterima Jawatankuasa telah membahagikan kesalahan seksual kepada dua jenis seperti yang berikut:

- (a) Kesalahan rogol; dan
- (b) Kesalahan seksual luar tabii.

(a) **Kesalahan rogol**

17. Kesalahan rogol merupakan salah satu isu hangat yang dibangkitkan dalam perbincangan Jawatankuasa di seluruh negara terutamanya oleh golongan wanita. Banyak aduan serta pandangan telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang memperjuangkan hak dan kepentingan wanita. Antara pihak yang telah membangkitkan isu kesalahan rogol ialah—

- (a) Joint Action Group—Violence Against Women (JAG-VAW);
- (b) Encik Anuwar bin Mohd;
- (c) Encik Salehuddin bin Harun;
- (d) Puteri UMNO Pahang;
- (e) Y.B. Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka);
- (f) Kumpulan DAP Johor;
- (g) Kumpulan DAP Sarawak;
- (h) Sarawak Law Association;
- (i) Persatuan Pembayar Hasil Cukai Kawasan Ipoh (IRATA) Perak;
- (j) Kumpulan Wanita SUPP (Sarawak);
- (k) Kumpulan Pengakap Sarawak;
- (l) Persatuan Bekas Polis;
- (m) Malacca Bar Committee;
- (n) Persatuan Pelindung Pengguna Malaysia Pahang;
- (o) Encik Peter Liew;
- (p) Prof. Madya Talat Mahmood Abdul Rashid (Universiti Malaya);
- (q) Persatuan Alumni Pengajian Tinggi Warga Melaka (PATIM);
- (r) Jawatankuasa Perhubungan MCA Johor;
- (s) Pusat Khidmat Wanita Islam Kedah dan Yayasan Sultanah Bahiyah;
- (t) Y.B. Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ahli Parlimen Ketereh); dan
- (u) Kumpulan DAP Penang.

18. Hasil daripada maklum balas yang dikemukakan oleh pihak-pihak di atas, Jawatankuasa telah membahagikan isu-isu yang dibangkitkan seperti yang berikut:

- (a) "keizinan" dalam takrif rogol;
- (b) hukuman bagi kesalahan jenayah rogol; dan
- (c) suami yang menggunakan kekerasan terhadap isterinya untuk melakukan hubungan seks.

19. Beberapa pihak termasuk JAG-VAW telah membangkitkan isu keizinan dalam takrif rogol di bawah seksyen 375. JAG-VAW berpendapat bahawa kebanyakan tertuduh kes rogol dilepaskan dan dibebaskan kerana Mahkamah telah mendapati bahawa mangsa memberi izin melakukan hubungan seks walaupun izin itu diberi secara tidak sah. Oleh itu, mereka mencadangkan satu anggapan undang-undang dimasukkan ke dalam seksyen 375 iaitu jika hubungan seks dilakukan, ia dianggap dilakukan secara tidak sukarela. Dengan kata lain, beban untuk membuktikan bahawa hubungan seks itu diadakan atas kerelaan mangsa adalah terletak ke atas tertuduh. Mereka juga mengatakan bahawa, undang-undang berhubung dengan rogol juga tidak merangkumi keadaan seorang wanita yang telah memberikan keizinannya melakukan hubungan seks tetapi keizinannya itu diberikan atas sebab lelaki itu mempunyai kedudukan kuasa ("person in authority") ke atasnya. Keadaan ini boleh berlaku misalnya di antara seorang guru dengan muridnya, bapa angkat dengan anak angkatnya, majikan dengan pekerjanya, doktor dengan pesakitnya, atau seorang pegawai polis dengan tahanan wanita.

20. Seterusnya banyak pihak telah menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap hukuman berkaitan dengan jenayah rogol. Misalnya di Sabah terdapat cadangan supaya telinga pesalah rogol dipotong manakala di Sarawak pula seorang awam telah mencadangkan pesalah rogol itu dibuat tanda kekal di dahinya.

21. Di sebalik rasa tidak puas hati dengan hukuman yang ada sekarang yang dianggap tidak memadai, beberapa pihak lain pula telah menyuarakan bahawa

hukuman mandatori 5 tahun tidak sepatutnya diadakan. Mereka memberikan pandangan bahawa hukuman minima mandatori itu akan membawa ketidakadilan terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan mangsa di bawah umur 16 tahun di mana mangsa sendiri telah memberikan izin melakukan seks dan pesalah yang terbabit itu pula daripada golongan remaja. Dengan kata lain, hubungan seks tersebut adalah secara "suka sama suka". Jika hukuman minima mandatori digunakan dalam kes-kes seperti ini maka masa depan pesalah remaja itu akan terjejas dan musnah kerana dia terpaksa mengharungi hukuman penjara minima selama 5 tahun apabila didapati bersalah oleh Mahkamah. Kes-kes sebegini sering berlaku kerana ada keadaan yang mangsa sendiri telah meminta aduannya berhubung dengan kes rogol ditarik balik atau mangsa enggan memberi keterangan terhadap pesalah semasa perbicaraan kerana mangsa tidak sanggup melihat pesalah itu menghadapi risiko dipenjarakan sekurang-kurangnya 5 tahun. Risiko ini juga menyebabkan terdapat mangsa yang berkahwin dengan tertuduh dengan harapan Pendakwa Raya akan menarik balik tuduhan ke atasnya.

22. Satu lagi isu yang hangat dibangkitkan di hadapan Jawatankuasa ialah isu suami yang menggunakan kekerasan terhadap isterinya untuk melakukan hubungan seks. Beberapa kumpulan pertubuhan wanita telah mendesak Jawatankuasa agar satu peruntukan khusus berhubung dengan kesalahan suami merogol isteri ("marital rape") diwujudkan. Mereka berpendapat bahawa penggunaan kekerasan untuk melakukan seks oleh suami terhadap isterinya itu adalah amat tidak bermoral dan merendahkan martabat seorang isteri. Sebaliknya, tidak kurang juga pandangan pihak-pihak yang membantah cadangan ini dan bantahan tersebut disuarakan terutamanya daripada golongan lelaki yang menganggap bahawa seorang isteri itu adalah hak suami dan isteri wajib melayan kehendak suami termasuk kehendak seksualnya.

23. Jawatankuasa telah mempertimbangkan secara mendalam semua isu yang telah dibangkitkan dan Jawatankuasa mengesyorkan seperti yang berikut:

(a) bagi isu keizinan, Jawatankuasa tidak dapat menafikan bahawa memang sukar untuk membuktikan bahawa mangsa tidak memberikan keizinan untuk mengadakan hubungan seks sebagaimana dalam keadaan-keadaan yang telah dibangkitkan oleh JAG-VAW dan kumpulan-kumpulan wanita yang lain. Keadaan seorang menggunakan kedudukan kuasanya ("person in authority") adalah satu keadaan yang jelas iaitu walaupun izin diberi tetapi keizinan itu diberi secara tidak rela. Namun begitu, Jawatankuasa juga sedar bahawa untuk memindahkan beban bukti terhadap tertuduh adalah tidak adil kerana sukar bagi tertuduh menunjukkan yang mangsa telah memberikan keizinannya. Keadaan ini juga tidak selaras dengan undang-undang jenayah berkaitan dengan beban pembuktian iaitu pihak pendakwa perlu membuktikan unsur-unsur kesalahan terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah. Jawatankuasa mengambil maklum tentang isu ini dan merumuskan untuk mengadakan satu lagi deskripsi rogol di bawah seksyen 375 iaitu dengan memasukkannya sebagai perenggan (f). Deskripsi itu adalah seperti yang berikut:

"(f) with her consent, when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her;"

(b) berkenaan dengan isu hukuman terhadap kesalahan rogol, Jawatankuasa berpendapat walaupun kesalahan rogol adalah serius dan berleluasa, hukuman mandatori tidak sepatutnya dikenakan dalam semua keadaan. Jawatankuasa juga berpendapat hukuman penjara mandatori 5 tahun tidak semestinya dikenakan bagi setiap kes. Sehubungan itu, Jawatankuasa telah mengkaji undang-undang mengenai jenayah rogol di beberapa negara di antaranya Australia dan New Zealand. Di Australia dan New Zealand terdapat dua tahap hukuman rogol, satu dikenali sebagai rogol dan satu lagi sebagai rogol melampau ("aggravated rape"). Bagi kesalahan rogol hukumannya adalah tidak melebihi 14 tahun penjara, manakala bagi

"aggravated rape" hukumannya adalah tidak melebihi 20 tahun penjara. Di antara situasi yang digolongkan di bawah "aggravated rape" dan dikenakan hukuman penjara yang lebih ialah seorang yang menggunakan kekerasan semasa atau selepas melakukan hubungan seks, melakukan seks dengan seorang yang mengandung, melakukan seks dengan seorang yang berumur bawah 13 tahun dan mengadakan hubungan seks yang keizinan diberi kepada seorang yang menggunakan kuasanya. Selain itu, Jawatankuasa telah mempertimbangkan isu sensitiviti masyarakat yang berbilang kaum dan agama dalam soal ini. Selepas mengambil kira semua maklum balas yang diterima serta mengambil kira perundangan rogol di beberapa negara, Jawatankuasa mengesyorkan supaya diadakan dua tahap hukuman seperti yang berikut:

- (i) bagi tahap pertama, hukuman yang dicadangkan ialah tidak lebih daripada 20 tahun penjara dan boleh dikenakan hukuman rotan; dan
- (ii) bagi tahap yang kedua yang melibatkan keadaan yang lebih serius, hukuman yang dicadangkan adalah hukuman penjara tidak kurang daripada 5 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat.

Situasi dalam tahap kedua adalah lebih serius dan boleh dinamakan sebagai rogol melampau ("aggravated rape"). Kesan terhadap mangsa dalam kategori kedua adalah lebih serius dan traumatik. Jawatankuasa juga telah mengambil kira bahawa dengan mengadakan dua tahap hukuman ini mahkamah tidak lagi terikat untuk mengenakan hukuman penjara mandatori 5 tahun. Di samping itu, Jawatankuasa juga telah mengambil kesempatan untuk meminda hukuman bagi kesalahan di bawah subseksyen 376(2) dan (3) seperti dalam Lampiran 3. Jawatankuasa telah meminda hukuman minima daripada 15 tahun kepada 8 tahun kerana jika hukuman minima mandatori

dikekalkan 15 tahun ia adalah terlalu tinggi dan ini tidak menggalakan orang ramai melaporkan kesalahan ini. Bagi subseksyen (3) pula, Jawatankuasa mencadangkan hukuman bagi kesalahan merogol menyebabkan kematian mangsa yang membawa hukuman mati digantikan dengan hukuman mati atau penjara tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun dan juga dikenakan tidak kurang daripada 10 sebatan. Ini adalah atas adalah atas pertimbangan bahawa mungkin terdapat kes tertuduh tidak berniat menyebabkan kematian mangsa yang dirogol. Dengan pinda ini mahkamah akan mempunyai budi bicara sama ada untuk mengenakan hukuman mati atau pun hukuman penjara. Syor yang dicadangkan oleh Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

“Punishment for rape

376. (1) Subject to subsection (2), whoever commits rape shall be punished for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to whipping.

(2) Whoever commits rape on a woman under any of the following circumstances:

- (a) at the time of, or immediately before or after the commission of the offence causes hurt to her or to any other person;
- (b) at the time of, or immediately before or after the commission of the offence, puts her in fear of death or hurt to herself or any other person;
- (c) the offence was committed in the company or in the presence of any other person;

- (d) without her consent, when she is under sixteen years of age;
- (e) with or without her consent, when she is under twelve years of age;
- (f) with her consent, when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her; or
- (g) at the time of the offence the woman was pregnant,

shall be punished with imprisonment for a term of not less than five years and not more than thirty years and shall also be liable to whipping.

(3) Whoever commits rape on a woman whose relationship to him is such that he is not permitted under the law, religion, custom or usage, to marry her, shall be punished with imprisonment for a term of not less than eight years and not more than thirty years, and shall also be punished with whipping of not less than ten strokes.

(4) Whoever whilst committing or attempting to commit rape causes the death of the woman on whom the rape is committed or attempted shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than fifteen years and not more than thirty years, and shall also be punished with whipping of not less than ten strokes."

- (c) bagi isu penggunaan kekerasan oleh suami terhadap isterinya untuk melakukan hubungan seks, Jawatankuasa tidak bersetuju bahawa suami merogol isteri ("marital rape") dijadikan suatu kesalahan di Malaysia dengan alasan ia adalah bertentangan dengan undang-undang syariah dan agama lain. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa ini prihatin terhadap keluhan kumpulan wanita yang membangkitkan isu seorang isteri dipaksa, dengan menggunakan kekerasan, untuk mengadakan hubungan seks dengan suaminya. Dengan demikian, Jawatankuasa mengesyorkan supaya diadakan suatu peruntukan khusus yang baru iaitu jika suami meletakkan isterinya itu dalam ketakutan kematian atau kecederaan ke atas isterinya atau orang lain dengan tujuan mengadakan hubungan seks dia melakukan satu kesalahan yang boleh dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun. Syor Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

"Husband causing hurt in order to have sexual intercourse

375A. Any man who during the subsistence of a valid marriage causes hurt or fear of death or hurt to his wife or any other person in order to have sexual intercourse with his wife shall be punished with imprisonment for a term which may extend to five years."

Kesalahan seksual luar tabii

24. Cadangan asal pindaan kepada kesalahan seksual di luar tabii, yang juga merupakan satu-satunya pindaan yang dicadangkan seperti dalam Lampiran 1 melalui seksyen 377CA, adalah seperti yang berikut:

“Sexual connection by object

377CA. Any person who has sexual connection with another person by the introduction of any object into the vagina or anus of the other person shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years and shall also be liable to whipping.”.

25. Antara pihak-pihak yang telah membincangkan isu berhubung dengan kesalahan seksual luar tabii ialah—

- (a) Prof. Madya Dr. Mohd Ismail b. Yunus;
- (b) Malacca Bar Committee;
- (c) Kumpulan DAP Johor;
- (d) Jawatankuasa Perhubungan MCA Johor;
- (e) Persatuan Pembayar Hasil Cukai Kawasan Ipoh (IRATA) Perak;
- (f) Y.B. Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka); dan
- (g) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).

26. Hasil daripada maklum balas yang dikemukakan oleh pihak-pihak di atas, Jawatankuasa telah mengkategorikan isu-isu yang dibangkitkan itu seperti yang berikut:

- (a) isu keizinan;
- (b) sama ada pegawai perubatan dikecualikan; dan
- (c) takrif faraj (“vagina”), hubungan seksual (“sexual connection”) dan benda (“object”).

27. Beberapa pihak telah membangkitkan isu keizinan dalam kesalahan hubungan seksual dengan benda (“sexual connection by object”). Mereka berhujah sekiranya peruntukan asal seksyen 377CA dikekalkan, perundangan dalam peruntukan ini sukar untuk dikuatkuasakan dan akan mengakibatkan ketidakadilan berlaku. Sebagai contoh,

seorang suami akan melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini jika dia memasukkan suatu objek dalam faraj isterinya walaupun dengan izin isterinya.

28. Selain itu, perbuatan suami isteri yang adakan hubungan seks dengan suami menggunakan kondom (kondom merupakan suatu benda) adalah suatu kesalahan walaupun ia dilakukan dengan izin isterinya. Satu lagi contoh adalah perbuatan suami memasukkan jarinya yang memakai cincin (cincin merupakan benda) ke dalam faraj isterinya walaupun dengan keizinan isterinya, ia juga merupakan suatu kesalahan.

29. Beberapa pihak juga telah membangkitkan sama ada pegawai perubatan melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila beliau perlu memasukkan suatu alat ke dalam faraj pesakitnya bagi tujuan pemeriksaan. Ini kerana tiada pengecualian dalam peruntukan tersebut kepada mana-mana orang, termasuk pegawai perubatan atau suami isteri. Untuk menunjukkan bahawa seorang pegawai perubatan itu tidak melakukan kesalahan di bawah peruntukan ini, mereka telah mencadangkan suatu pengecualian diberi secara jelas kepada pegawai perubatan bagi tujuan-tujuan perubatan.

30. Terdapat juga pihak yang membangkitkan tentang penggunaan ungkapan-ungkapan seperti "vagina", "sexual connection" dan "object" dalam peruntukan ini. Mereka mencadangkan supaya ungkapan-ungkapan tersebut diberi takrif supaya orang ramai faham dengan jelas maksud ungkapan-ungkapan itu.

31. Setelah mempertimbangkan isu-isu yang telah dibangkitkan, Jawatankuasa mendapati bahawa seksyen 377CA yang asal tidak begitu jelas dan boleh membawa kepada ketidakadilan. Jawatankuasa berpendapat bahawa isu keizinan dalam seksyen 377CA perlu diberi perhatian sewajarnya dan mencadangkan supaya seksyen tersebut dipinda dengan memasukkan perkataan "without the other person's consent".

32. Selain itu, pengecualian telah dimasukkan untuk menunjukkan dengan jelas bahawa seksyen 377CA tidak terpakai kepada kemasukan apa-apa benda ke dalam

faraj atau dubur seseorang yang dijalankan bagi maksud perubatan atau penguatkuasaan undang-undang.

33. Setelah menimbangkan semua representasi Jawatankuasa berpendapat bahawa ungkapan-ungkapan "vagina", "sexual connection" dan "object" sudah pun jelas dan tidak perlu diberi takrif. Ungkapan-ungkapan tersebut boleh diberikan maksud biasa sebagaimana dalam kamus. Tambahan pula, ungkapan "sexual connection" telah digunakan dalam peruntukan seksyen 377C yang sedia ada.

34. Jawatankuasa telah mengesyorkan peruntukan seperti yang berikut:

"Sexual connection by object

377CA. Any person who has sexual connection with another person by the introduction of any object into the vagina or anus of the other person without the other person's consent shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years and shall also be liable to whipping.

Exception—This section does not extend to where the introduction of any object into the vagina or anus of any person is carried out for medical or law enforcement purposes."

Kesalahan curi ragut

35. Di seluruh negara, Jawatankuasa telah berhadapan dengan satu isu yang cukup hangat dan penuh emosi serta traumatik iaitu isu curi ragut. Beberapa orang mangsa curi ragut telah hadir sendiri dan membuat representasi. Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa kes curi ragut telah menjadi semakin ganas dan pesalahnya pula semakin kejam. Kes curi ragut yang melibatkan kematian mangsanya yang dilaporkan secara meluas baru-baru ini juga hangat diperkatakan oleh orang ramai.

36. Antara pihak-pihak yang telah hadir di hadapan Jawatankuasa untuk membuat representasi berhubung dengan kes curi ragut adalah seperti yang berikut:

- (a) Prof Dr. Muhamad Ismail bin Mohd Yunus;
- (b) Puteri UMNO Melaka;
- (c) Kumpulan 2400 Pempetisyen;
- (d) SUPP;
- (e) Kumpulan Sarawak Federation of Tourism;
- (f) Kumpulan Pengakap Sarawak;
- (g) Jawatankuasa Perhubungan MCA Johor;
- (h) Y.B Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka);
- (i) Encik Eddy Wee Tiong How; dan
- (j) Encik Ahmad Misbah bin Md. Jan.

37. Antara isu-isu yang dibangkitkan berhubung dengan kes curi ragut adalah—

- (a) lazimnya pihak polis membuat pertuduhan pesalah curi ragut di bawah seksyen 379 yang tidak mencerminkan keseriusan sifat kesalahan itu;
- (b) hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah tidak berkesan dan tidak memberikan mesej yang sepatutnya kepada orang yang bakal melakukan kesalahan itu;
- (c) tertuduh yang dilepaskan dengan ikatan jamin oleh Mahkamah akan kembali melakukan lebih banyak kesalahan;
- (d) penjenayah menjadi semakin ganas semasa melakukan kesalahan itu; dan
- (e) tempoh masa yang diambil untuk mendengar dan melupuskan kes curi ragut adalah terlalu lama.

38. Jawatankuasa berpendapat bahawa kesalahan curi ragut adalah amat serius dan bersimpati dengan mangsa serta keluarga mereka. Setelah mempertimbangkan secara teliti semua representasi yang dibuat, Jawatankuasa mencadangkan bahawa kesalahan curi ragut diletakkan secara jelas di bawah kesalahan rompak dan bukannya kesalahan curi. Sehubungan itu Jawatankuasa mencadangkan bahawa huraian bagi kes curi ragut dimasukkan sebagai huraian (e) di bawah seksyen 390 seperti yang berikut:

“(e) Z is walking along a road. A on a motorcycle snatches Z’s handbag and in the process causes hurt to Z. A rides away with Z’s handbag. A has therefore committed robbery.”.

39. Jawatankuasa juga mengesyorkan bahawa hukuman penjara bagi kesalahan rompak, tidak kira sama ada kesalahan itu dilakukan semasa siang atau malam, adalah tidak lebih daripada 14 tahun. Sehubungan itu, seksyen 392 perlu dipinda dengan hasrat memberikan mesej yang sepatutnya kepada bakal pesalah. Hukuman penjara maksima 14 tahun akan menjadi satu penghalang yang kukuh.

Kesalahan-kesalahan lain

40. Jawatankuasa telah mengkaji beberapa peruntukan yang sedia ada dalam Kanun Keseksaan walaupun tiada representasi dibuat berkenaan dengannya. Antara peruntukan yang difikirkan patut dipinda oleh Jawatankuasa ialah seksyen 160, 186, 225B, 406, 408, 444, 446, 447, 448, 453, 454, 455, 456, 457, 457A, 458 dan 460.

41. Jawatankuasa telah memutuskan untuk memansuhkan perbezaan sama ada suatu kesalahan itu dilakukan pada siang atau malam. Perbezaan seperti ini tidak lagi praktikal dan berkesan pada masa kini. Oleh yang demikian, Jawatankuasa mencadangkan supaya peruntukan kesalahan-kesalahan yang dilakukan pada waktu malam dimansuhkan dan sebaliknya menambahkan hukuman tanpa mengira waktu.

42. Dalam membuat syor ini, Jawatankuasa sedar bahawa seksyen 85 Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92) memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Majistret untuk mendengar kes-kes di bawah seksyen 392 dan 457 walaupun hukuman penjara maksima adalah lebih daripada 10 tahun.
43. Jawatankuasa berpendapat hukuman penjara maksima bagi kesalahan gaduh gempar ("affray") di bawah seksyen 160 dinaikkan hukuman penjaranya daripada 1 bulan kepada 1 tahun. Begitu juga dengan hukuman penjara maksima bagi kesalahan di bawah seksyen 408 iaitu kesalahan yang melibatkan pecah amanah oleh pembawa telah dinaikkan dengan sewajarnya.
44. Dalam perbincangan dengan orang ramai, peningkatan kes-kes pembuangan bayi telah dibangkit. Seorang wanita dari Kedah telah mencadangkan supaya dalam kes-kes pembuangan bayi, lelaki yang merupakan bapa kandung kepada bayi itu dikira melakukan suatu kesalahan jenayah. Walaupun cadangan ini murni, tetapi Jawatankuasa berpendapat ia tidak praktikal dari segi implementasi undang-undang. Dalam keadaan ini, adalah sukar membuktikan niat membuang bayi terhadap lelaki tersebut.
45. Ada juga pihak yang mencadangkan supaya transvestit ("transvestite") yang menjadi mangsa jenayah seksual diberi hak yang sama seperti mangsa jenayah seksual yang lain dan satu peruntukan khusus dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan untuk melindungi mereka. Jawatankuasa telah mengkaji cadangan ini secara mendalam dan berpendapat adalah tidak wajar untuk mengadakan peruntukan sedemikian daripada perspektif keagamaan dan sosial. Walau bagaimanapun sudah ada peruntukan yang melindungi mereka seperti seksyen 354 Kanun Keseksaan.
46. Jawatankuasa telah menolak cadangan untuk "decriminalise" kesalahan di luar tabii yang dilakukan di antara seorang dewasa dengan dewasa yang lain walaupun

dengan keizinan kedua-duanya. Ini adalah didasarkan kepada faktor keagamaan dan latar belakang sosial masyarakat negara ini.

BAHAGIAN III

MAKLUM BALAS DARIPADA ORANG RAMAI DAN SYOR JAWATANKUASA BERHUBUNG DENGAN KANUN TATACARA JENAYAH

47. Setelah mendengar, meneliti dan mempertimbangkan semua maklum balas daripada orang ramai serta meneliti Laporan Suruhanjaya PDRM, Jawatankuasa mengkategorikan isu-isu tersebut kepada 16 kategori seperti yang berikut:

- (a) Penyalahgunaan peruntukan tangkapan dan reman: Seksyen 28, 28A dan 117 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ);
- (b) Kuasa-kuasa siasatan polis: Pemeriksaan saksi dan suspek di bawah seksyen 112 dan 113 KTJ;
- (c) Rakaman pernyataan beramaran oleh majistret: seksyen 115 KTJ;
- (d) Membuat laporan polis: seksyen 107 KTJ;
- (e) Kegagalan melaporkan kesalahan-kesalahan tertentu: seksyen 13 KTJ;
- (f) Tatacara pemeriksaan tubuh orang yang ditangkap: seksyen 20A KTJ;
- (g) Laporan berkaitan dengan status siasatan: seksyen 107A, 110 dan 120 KTJ;

- (h) Tatacara berkaitan dengan kes-kes melibatkan keganasan: seksyen 106A, 106B dan 106C KTJ;
- (i) Penzahiran praperbicaraan ("Pre-trial discovery"): seksyen 51A KTJ;
- (j) Tafsiran *prima facie*: seksyen 173 dan 180 KTJ;
- (k) Hak tertuduh di akhir kes pendakwaan: seksyen 173 KTJ;
- (l) Keterangan secara langsung melalui video atau televisyen: seksyen 272B KTJ;
- (m) Tanggungan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia: seksyen 127A KTJ;
- (n) Hukuman sebatan kepada penjenayah berumur lebih 50 tahun bagi kesalahan seksual: seksyen 289 KTJ;
- (o) Perintah Khidmat Masyarakat: seksyen 293 KTJ; dan
- (p) Kaunseling pemulihan bagi pesalah seksual: seksyen 295 KTJ.

Penyalahgunaan peruntukan tangkapan dan reman: Seksyen 28, 28A dan 117 KTJ

48. Isu penyalahgunaan peruntukan tangkapan dan reman merupakan isu yang paling hangat dikemukakan kepada Jawatankuasa. Hampir di semua tempat yang dilawati oleh Jawatankuasa aduan dan maklum balas mengenai penyalahgunaan reman diterima. Antara pihak-pihak yang menyuarakan isu ini ialah—

- (a) Police Watch and Human Rights Committee;
- (b) Suara Rakyat Malaysia (SUARAM);

- (c) Sabah Law Association;
- (d) Encik Robert Foo (individu-Sabah);
- (e) Kumpulan DAP Sarawak;
- (f) Sarawak Law Association;
- (g) Kumpulan DAP Perak;
- (h) Jawatankuasa Peguam Perak;
- (i) Parti Gerakan Perak;
- (j) Jawatankuasa Perhubungan MCA Johor;
- (k) MIC Johor;
- (l) Encik Ong Kow Meng (peguam-Johor);
- (m) Majlis Peguam Malaysia; dan
- (n) Supt. (B) Siva Moorthy (Perak).

49. Laporan Suruhanjaya PDRM juga telah mengutarakan tentang penyalahgunaan ini. Laporan Suruhanjaya PDRM di muka surat 136 menyatakan -

“..... inkuiri yang diadakan oleh Suruhanjaya begitu juga maklum balas daripada pelbagai organisasi dan orang awam menunjukkan wujudnya pencabulan hak asasi secara meluas oleh PDRM, dan situasi ini amat membimbangkan.”.

50. Semua maklum balas mengenai isu ini yang diterima oleh Jawatankuasa dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- (a) Suspek tidak dimaklumkan tentang alasan tahanan semasa tangkapan;
- (b) Suspek tidak diberi peluang menghubungi saudara atau kawannya untuk memberitahu tempat suspek berada;
- (c) Suspek tidak diberi peluang menghubungi atau berunding dengan peguam pilihannya;

- (d) Terdapat kecenderungan yang tinggi di kalangan polis untuk menangkap dan menahan sebelum membuat siasatan rapi terlebih dahulu untuk menentukan sama ada seseorang itu perlu ditahan bagi membantu siasatan;
- (e) Tidak berpegang kepada prinsip asas bahawa seseorang itu dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya;
- (f) Kecenderungan majistret mengeluarkan perintah tahanan bagi tujuan siasatan sebagaimana yang dipohon oleh polis;
- (g) pihak polis tidak menjalankan sebarang siasatan dalam tempoh 24 jam yang pertama, dan kemudiannya memohon perintah tahanan;
- (h) Memohon perintah tahanan bagi kes-kes yang boleh dijamin;
- (i) Memohon tempoh tahanan yang berlebihan daripada tempoh yang sewajarnya yang diperlukan untuk menyiasat kesalahan yang didakwa dilakukan;
- (j) Prosedur tahanan yang dijalankan tanpa penglibatan suspek atau kehadiran peguam, bagi suspek mempunyai peguam. Kerap terdapat dakwaan, sukar untuk mendapatkan maklumat tentang di mana suspek ditahan dan nasibnya. Penggunaan telefon cuma dianggap sebagai budi bicara dan bukannya hak. Ahli keluarga dan peguam sering tidak diizinkan menemui suspek atau tidak dimaklumkan tentang bila suspek akan dibawa ke mahkamah bagi perintah tahanan atau didakwa;
- (k) Amalan perintah tahanan berlarutan atau yang lebih dikenali sebagai "chain smoking" yang diperoleh daripada majistret sering kali berlaku. Dengan itu, suspek ditahan melebihi tempoh tahanan maksimum 15 hari. Terdapat kes-

kes suspek dibawa ke kawasan lain dan perintah tahanan selanjutnya diperoleh daripada majistret lain yang mungkin tidak dimaklumkan mengenai perintah tahanan yang dikeluarkan sebelum ini ke atas suspek. Terdapat kes di mana suspek ditahan lebih daripada 2 bulan di beberapa balai polis.

- (l) Tidak menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap suspek sebagaimana yang diperlukan;
- (m) Memeras ugut untuk mendapatkan bayaran sebagai contoh untuk membuat panggilan telefon kepada keluarga atau peguam orang tahanan;
- (n) Membogelkan suspek untuk pemeriksaan di hadapan tahanan lain bagi maksud menjatuhkan maruahnya;
- (o) Tidak diberikan hak untuk mendapat khidmat peguam dengan alasan akan mengganggu proses siasatan; dan
- (p) Prosiding tahanan dijalankan secara rahsia di antara polis dan majistret di kamar, sedangkan suspek berada di tempat lain.

51. Jawatankuasa telah memepertimbangkan secara terperinci semua maklum balas dan pandangan orang ramai serta Laporan Suruhanjaya PDRM dan telah membuat perbandingan tatacara tangkapan dan reman di beberapa buah negara seperti Australia, New Zealand dan Singapura.

52. Jawatankuasa juga telah mempertimbangkan syor Suruhanjaya PDRM yang terdapat di muka surat 344 Laporan tersebut iaitu—

“Cadangan Lapan: Meminda Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah

- (a) Seksyen 28 dan 117 KPJ yang dibaca bersama membenarkan penangkapan tanpa waran dan penahanan seseorang selama tidak lebih daripada 24 jam (tidak termasuk masa yang perlu untuk perjalanan dari tempat penangkapan polis ke mahkamah majistret) untuk membolehkan pihak polis menyelesaikan penyiasatan. Sekiranya penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut, orang yang dituduh perlu dibawa ke hadapan Majistret untuk mendapatkan perintah yang membenarkan penahanan selanjutnya bagi satu tempoh tidak melebihi 15 hari jumlahnya. Jangkaannya adalah penyiasatan seharusnya diselesaikan dalam masa dua puluh empat (24) jam dan dalam kes biasa mana-mana lanjutan masa adalah satu pengecualian;
- (b) Walau bagaimanapun, dari segi amalan peruntukan ini telah membawa kepada banyak penyalahgunaan oleh pihak polis, yang memohon tempoh reman yang maksimum dan permohonan ini biasanya diluluskan oleh Majistret. Untuk memburukkan lagi keadaan, pihak polis telah menyalahguna (“circumvent”) undang-undang dengan membawa orang yang dituduh ke bawah bidang kuasa seorang majistret yang lain untuk mendapatkan perintah tahanan reman selama lima belas hari lagi dengan alasan untuk perlu disiasat atas kesalahan lain dan keadaan ini mungkin berulang. Terdapat juga laporan berlakunya penderaan fizikal dan mental terhadap suspek oleh polis sepanjang tempoh reman dan kes kematian suspek semasa tahanan. Suruhanjaya berpendapat bahawa salah satu sebab pihak polis sering memohon tempoh reman yang panjang adalah disebabkan oleh amalan “tangkap dahulu, siasat kemudian”;

(c) Suruhanjaya berpendapat bahawa amalan ini merupakan pelanggaran hak asasi manusia yang serius. Di negara-negara seperti Hong Kong, Australia dan Singapura, tempoh tahanan reman yang dibenarkan adalah jauh lebih pendek dan perintah berantai atau seumpamanya tidak dilayani. Amalan "tangkap dahulu, siasat kemudian" hendaklah digunakan sekali-sekala dengan amat berhati-hati dan hanya kes yang betul-betul perlu. Normalnya, penyiasatan hendaklah cekap untuk mendapat bukti yang mencukupi bagi membolehkan tangkapan dibuat; dan

(d) Suruhanjaya memahami bahawa PDRM mempunyai kekurangan tenaga manusia untuk menyiapkan penyiasatan dengan cepat dan cekap. Walau bagaimanapun, hal ini boleh diatasi dengan menambahkan keupayaan secara berperingkat, melalui langkah-langkah seperti pihak polis memberikan tumpuan kepada fungsi kepolisan teras sebagaimana yang disyorkan dalam Bab Lima Belas. Suruhanjaya dengan itu mengesyorkan supaya Seksyen 117 dipinda untuk membenarkan reman selama satu tempoh maksimum tidak lebih daripada dua puluh empat (24) jam bagi tangkapan waran. Bagi tangkapan tanpa waran, pihak polis mestilah memohon kepada majistret untuk reman selanjutnya setiap empat puluh lapan (48) jam sekiranya perlu dengan memberikan alasan dalam setiap kes. Selepas tamat tempoh tujuh (7) hari maksimum, suspek hendaklah dibebaskan sekiranya tiada bukti yang mencukup untuk menuduh suspek di mahkamah. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk siasatan lebih lanjut mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penahanannya atau prosiding yang akan diambil ke atasnya bagi sesuatu kesalahan, suspek hendaklah dibebaskan dengan jaminan polis. Dalam keadaan di mana apabila saspek dibawa ke hadapan majistret dengan tujuan mendapatkan perintah reman atau penganjutan perintah tersebut, suspek hendaklah

dibenarkan untuk mendapat khidmat peguam. Sekiranya sama ada dia mahu membuat sebarang aduan mengenai penangkapan dan penahanannya.”.

53. Secara ringkas Jawatankuasa berpendapat bahawa pegawai penyiasat tidak sepatutnya mengamalkan dasar “tangkap dahulu, siasat kemudian”. Prinsip ini adalah selaras dengan syor yang terdapat di dalam Laporan Suruhanjaya PDRM.

54. Sehubungan itu, Jawatankuasa bercadang mengadakan satu seksyen yang baru iaitu seksyen 28A yang khusus menyatakan hak-hak orang yang ditangkap (“rights of person arrested”). Melalui seksyen ini, Jawatankuasa mengesyorkan supaya pihak polis diwajibkan memberikan kemudahan kepada seseorang yang telah ditangkap untuk menghubungi seorang peguam dalam tempoh 24 jam dari masa dia ditangkap. Selain itu, pegawai polis yang menangkap mesti memaklumkan kepada orang kena tangkap sebab-sebab beliau ditangkap. Pindaan-pindaan ini mencerminkan hak asasi yang dijamin atas seseorang yang ditangkap sebagaimana yang terkandung di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan.

55. Selain itu, Jawatankuasa ini juga menghendaki pihak polis memberi kemudahan kepada orang kena tangkap untuk menghubungi ahli keluarga atau rakannya selepas dia ditangkap. Ini akan membolehkan mereka yang terdekat untuk mengetahui tempat beradanya suspek. Jawatankuasa berpendapat bahawa hak-hak dan kemudahan-kemudahan ini perlu dimasukkan ke dalam pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah demi keadilan semua pihak yang terlibat. Oleh itu, hak untuk menghubungi seorang peguam atau ahli keluarga atau rakan orang kena tangkap itu hendaklah dipatuhi dan tidak boleh diabaikan kecuali dalam keadaan-keadaan yang tertentu sahaja. Pengecualian boleh diberikan dalam beberapa keadaan iaitu apabila diberi kemudahan-kemudahan tersebut keterangan akan dilupuskan atau rakan jenayah orang kena tangkap itu akan melarikan diri atau dengan memberi kemudahan-kemudahan tersebut keselamatan seseorang akan terjejas.

56. Seterusnya, untuk mengukuhkan hak-hak orang kena tangkap sebagaimana yang dijelaskan di atas, orang kena tangkap diberi peluang untuk diwakili oleh seorang peguam semasa prosiding reman. Ini untuk memastikan bahawa orang kena tangkap tidak direman selanjutnya tanpa alasan yang kukuh dan munasabah.

57. Melalui pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 117 pegawai polis yang memohon tahanan reman daripada Majistret perlu memaklumkan sebarang tahanan reman yang dikenakan terhadap orang kena tangkap itu sejurus sebelum permohonan baru dibuat. Majistret diwajibkan mengambil kira tempoh tahanan yang terdahulu itu sebelum permohonan baru dipertimbangkan sama ada tempoh tahanan itu ada kaitan dengan permohonan baru itu atau tidak. Majistret akan mempertimbangkan berapa lamakah suatu tempoh reman patut diberi berdasarkan peruntukan pindaan seksyen 117 yang baru.

58. Jawatankuasa semasa dalam perbincangannya telah mengambil kira aduan daripada pertubuhan-pertubuhan seperti Majlis Peguam Malaysia, SUHAKAM, SUARAM dan Police Watch berkaitan salah laku pihak polis terhadap individu-individu yang ditahan reman. Mereka juga telah menyatakan kebimbangan mereka berhubung dengan kes-kes kematian dalam reman yang kian meningkat.

59. Jawatankuasa ini juga telah meneliti secara terperinci syor Suruhanjaya PDRM supaya tempoh reman dipendekkan agar pihak polis tidak mengamalkan sikap "tangkap dahulu, siasat kemudian" ("arrest first, investigate later"). Suruhanjaya PDRM telah mengesyorkan tempoh reman dikurangkan kepada 7 hari. Berhubung dengan cadangan untuk mengurangkan tempoh reman itu, pihak polis telah menyuarakan kebimbangan mereka ke atas syor Suruhanjaya PDRM. Pihak polis telah memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa dengan beban kerja yang sangat berat, siasatan berkemungkinan tidak akan dapat diselesaikan dalam tempoh 7 hari. Keadaan ini akan mengakibatkan suspek dalam sesuatu kes dibebaskan dan kemungkinan suspek akan melarikan diri.

60. Jawatankuasa dalam pertimbangannya telah mengambil kira hasrat dan pendapat semua pihak. Jawatankuasa berpendapat bahawa dalam kes-kes serius iaitu seseorang itu boleh dipenjarakan selama 14 tahun ke atas atau dihukum mati, tempoh reman sepatutnya tidak melebihi 14 hari. Kes-kes ini adalah lebih kompleks yang siasatan dan pengumpulan bukti akan mengambil masa yang lebih panjang berbanding dengan kes-kes yang seseorang boleh dipenjarakan kurang daripada 14 tahun. Dalam kes seseorang boleh dipenjarakan kurang daripada 14 tahun, Jawatankuasa berpendapat tempoh reman tidak melebihi 7 hari adalah munasabah.

61. Tempoh reman ini juga dibahagikan kepada dua peringkat supaya lebih terkawal. Dalam Kanun Keseksaan terdapat 43 kesalahan yang tempoh pemenjarannya lebih daripada 14 tahun. Kes-kes tersebut termasuklah kes bunuh, rompak dan rogol.

62. Selepas mengkaji semua maklum balas, perbandingan yang dibuat terhadap perundangan tangkapan dan reman di beberapa negara lain serta syor Suruhanjaya PDRM, Jawatankuasa mencadangkan seperti yang berikut:

- (a) suspek hendaklah diberitahu alasan tangkapan oleh pegawai yang membuat tangkapan secepat mungkin;
- (b) suspek dibenarkan berhubung dengan saudara-maranya atau kawannya melalui panggilan telefon atau cara lain untuk memaklumkan di mana suspek berada;
- (c) suspek boleh berhubung dan berunding dengan peguam pilihannya dalam masa yang munasabah sebelum apa-apa kenyataan dirakam daripada suspek dalam tempoh masa yang munasabah;
- (d) pegawai penyiasat hendaklah menanggungkan sebarang pertanyaan atau perakaman kenyataan suspek sehingga suatu masa munasabah bagi membenarkan suspek berjumpa dan berunding dengan peguamnya;

(e) menyediakan kemudahan kepada suspek untuk menghubungi saudara, kawan atau peguamnya tanpa dikenakan apa-apa bayaran;

(f) Perhubungan, perjumpaan dan rundingan dengan saudara, kawan atau peguam dikecualikan dalam keadaan-keadaan sebagaimana yang dinyatakan subseksyen 28A(4) seperti yang berikut:

“(4) The requirements under subsections (2) and (3) shall not apply where the police officer conducting the investigation reasonably believes that—

(a) compliance with any of the requirements is likely to result in—

(i) an accomplice of the person arrested taking steps to avoid apprehension; or

(ii) the concealment, fabrication or destruction of evidence or the intimidation of a witness; or

(b) having regard to the safety of other persons the questioning is so urgent that it should not be delayed.”;

(g) Bagi siasatan kesalahan di mana hukuman maksima kurang daripada 14 tahun reman tidak boleh melebihi 4 hari bagi permohonan pertama dan tidak melebihi 3 hari bagi permohonan kedua;

(h) Bagi siasatan kesalahan di mana hukuman adalah hukuman mati atau hukuman penjara 14 tahun atau lebih reman tidak boleh melebihi 7 hari bagi permohonan pertama dan tidak melebihi 7 hari bagi permohonan kedua;

- (i) untuk mengelakkan “perintah reman berlarutan” (“chain smoking”) pegawai penyiasat dikehendaki mencatatkan dalam diari penyiasatannya apa-apa tahanan suspek sejurus sebelum permohonan itu. Sebelum permohonan reman baru diluluskan majistret hendaklah mengambil kira semua reman yang dikenakan sejurus sebelum permohonan baru itu;
- (j) sebelum majistret meluluskan tempoh reman beliau hendaklah membenarkan suspek membuat representasi secara sendiri atau melalui peguam pilihannya.

63. Jawatankuasa berpendapat dengan adanya pindaan-pindaan ini maka ia akan mengimbangkan hak seorang individu dengan hak pihak penguatkuasa dan penyiasat.

Kuasa-kuasa siasatan polis: Pemeriksaan saksi dan suspek di bawah seksyen 112 dan 113 KTJ

64. Subseksyen 112(5) telah dipinda sebagai susulan pindaan kepada seksyen 113. Seksyen tersebut membenarkan pihak polis merakamkan kenyataan saksi semasa siasatan dijalankan, termasuk keterangan tertuduh. Seksyen 113 telah dicadangkan untuk dipinda menjadikan kenyataan seorang saksi yang dirakam di bawah seksyen 112 tidak boleh digunakan sebagai keterangan di Mahkamah selain keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah seksyen 113. Pindaan juga dibuat untuk memansuhkan kuasa pihak polis untuk merakam suatu pernyataan beramaran (“cautioned statement”). Suruhanjaya PDRM telah mengesyorkan supaya seksyen 113 dimansuhkan memandangkan pelbagai tohmahan kerap dilemparkan terhadap polis bahawa mereka telah mendera tahanan di bawah kawalan mereka (semasa soal siasat) agar tahanan itu membuat suatu pengakuan.

65. Keterangan sedemikian biasanya didengar di Mahkamah semasa pihak pendakwa ingin mengemukakan pernyataan beramaran tertuduh dan dalam

kebanyakan kes mahkamah akan menolak pernyataan beramaran tersebut. Peguam Negara Malaysia semasa hadir memberikan pandangan di hadapan Jawatankuasa pada bulan Ogos 2005 telah memberikan pendapat beliau berkenaan seksyen 113 di dan beliau telah menyokong syor Suruhanjaya PDRM untuk memansuhkan seksyen tersebut.

66. Dengan pemansuhan pernyataan beramaran di bawah seksyen 113 dan seksyen tersebut digantikan dengan seksyen 113 baru sebagaimana dalam Lampiran 6 dan 7, maka kedudukan seksyen 113 yang dicadangkan itu akan sama seperti peruntukan seksyen 113 sebelum pindaan pada tahun 1976 dengan beberapa pindaan kecil.

67. Seksyen 113 baru ini akan membenarkan kenyataan seorang saksi (kecuali keterangan tertuduh) digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan seorang saksi, atau digunakan sebagai keterangan apabila dikemukakan di bawah seksyen 27 Akta Keterangan 1950. Sebagai contoh, tertuduh yang telah memberikan kenyataan di bawah seksyen 112 bahawa terdapat pistol disimpan di dalam stokin dan diletakkan di bawah katil di dalam biliknya. Dia kemudiannya telah membawa polis serta menunjukkan di mana pistol tersebut disimpan. Keterangan yang membawa kepada terjumpanya pistol tersebut boleh dikemukakan semasa perbicaraan terhadap tertuduh.

68. Kenyataan seorang saksi juga boleh dikemukakan di bawah seksyen 32 Akta Keterangan 1950. Sebagai contoh, jika seorang saksi telah meninggal dunia, tidak dapat dikesan, terlalu uzur atau pemanggilan saksi tersebut akan melibatkan kos yang tinggi dalam sesuatu keadaan maka kenyataan saksi tersebut boleh dikemukakan sebagai keterangan. Selain keadaan-keadaan yang tersebut di atas, kenyataan seorang saksi juga boleh digunakan apabila saksi tersebut didakwa memberi keterangan palsu semasa memberi kenyataan tersebut. Selain itu, kenyataan tersebut boleh digunakan sebagai keterangan apabila tertuduh sendiri hendak menguna pakai kenyataannya semasa perbicaraannya.

69. Jawatankuasa sedar terdapat beberapa Akta lain di negara ini yang mengandungi peruntukan yang serupa dengan peruntukan seksyen 112 dan 113 iaitu yang melibatkan pernyataan tertuduh dirakamkan dan dikemukakan di mahkamah sebagai keterangan. Jawatankuasa ini mengesyorkan supaya Akta-Akta tersebut dipinda supaya selaras dengan peruntukan seksyen 112 yang dipinda dan peruntukan baru 113 yang dicadangkan dalam Laporan ini.

Rakaman pengakuan oleh Majistret: seksyen 115 KTJ

70. Rakaman pengakuan telah diberi penekanan di dalam Laporan Suruhanjaya PDRM. Suruhanjaya PDRM telah mencadangkan pemansuhan rakaman pengakuan di bawah seksyen 113. Justeru peruntukan berhubung dengan pengakuan ("confession") oleh tertuduh di hadapan Majistret di bawah seksyen 115 KTJ juga perlu diberi penekanan.

71. Jawatankuasa telah mendengar pandangan dan komen mengenai perkara ini daripada pihak Mahkamah dan Peguam Negara. Wakil daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan menjelaskan bahawa penekanan diberikan kepada seorang Hakim dan Majistret untuk menyelesaikan sesuatu pendengaran kes dengan seberapa segera oleh untuk mengelakkan berlakunya kes tertunggak. Dalam keadaan itu seorang majistret sepatutnya tidak lagi dibebankan dengan tugas merakamkan pengakuan seorang tertuduh. Tambahan pula jika seseorang Majistret itu kurang berpengalaman untuk merakamkan suatu pengakuan, maka sekiranya pengakuan itu dicabar di Mahkamah kredibiliti Majistret itu pula akan dipersoalkan oleh orang ramai.

72. Peguam Negara juga telah memberi pandangan bahawa beliau tidak bersetuju dengan seksyen 115. Menurut beliau, seseorang Majistret akan sukar untuk menentukan sama ada tahanan itu telah dipukul atau didera sebelum pengakuannya dirakam. Sehubungan itu, Peguam Negara telah mencadangkan supaya seksyen 115 dimansuhkan.

73. Setelah mempertimbangkan Laporan Suruhanjaya PDRM serta pandangan Peguam Negara dan wakil daripada Pejabat Ketua Pendaftar, Jawatankuasa bersetuju supaya seksyen 115 dimansuhkan.

Membuat laporan polis: seksyen 107 KTJ

74. Kesukaran untuk membuat laporan polis juga merupakan salah satu aduan oleh orang ramai. Perkara ini turut dipertimbangkan oleh Suruhanjaya PDRM seperti di muka surat 241. Aduan dan maklumbalas yang diterima adalah seperti berikut :

- (a) pengadu diminta supaya membuat laporan hanya di balai polis tertentu sahaja ;
- (b) laporan yang hendak dibuat oleh orang ramai tidak diterima atas pelbagai alasan seperti kerugian yang dialami adalah terlalu kecil atau isu rumah tangga;
- (c) kejadian yang hendak dilaporkan berlaku di dalam kawasan pentadbiran polis yang berlainan;
- (d) berada di lokasi yang menyulitkan; dan
- (e) anggota polis di balai tidak mesra terhadap pengadu, bersikap acuh tak acuh, kurang berminat dan mengambil masa yang lama untuk memberi maklum balas.

75. Suruhanjaya PDRM setelah mengkaji seksyen 107(1) KTJ berpendapat bahawa laporan polis hanya boleh dibuat di balai polis. Suruhanjaya PDRM mengesyorkan bahawa laporan polis dibenarkan dibuat dengan cara yang paling mudah, seperti melalui e-mel, laman web, SMS atau telefon, di mana-mana balai polis atau pondok polis atau kepada mana-mana anggota polis yang sedang meronda.

76. Sehubungan itu, Jawatankuasa bersetuju supaya seksyen 107(1) KTJ dipinda untuk membolehkan mana-mana pegawai polis yang bertugas, sama ada di dalam atau di luar balai polis, untuk menerima sebarang laporan yang dibuat oleh sesiapa jua. Dengan pindaan ini orang awam boleh membuat laporan polis di mana-mana balai polis atau pondok polis atau kepada mana-mana anggota polis yang sedang meronda.

77. Jawatankuasa bagaimanapun tidak dapat menerima syor Suruhanjaya PDRM supaya laporan polis dibenarkan dibuat melalui e-mel, laman web, SMS atau telefon. Ini kerana pengadu diperlukan untuk menandatangani laporan tersebut. Tatacara ini bertujuan mengelakkan daripada mana-mana orang membuat laporan palsu yang merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

Kegagalan melaporkan kesalahan-kesalahan tertentu kepada polis: seksyen 13 KTJ

78. Seksyen 13 KTJ memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mengetahui berlakunya mana-mana kesalahan yang tersenarai di bawah seksyen 13 itu hendaklah melaporkannya kepada pihak polis.

79. Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 melalui fasal 4 bertujuan meminda seksyen 13 dengan memasukkan kesalahan di bawah seksyen 376, 377C dan 377E Kanun keseksaan yang wajib dilaporkan.

80. Jawatankuasa telah mengkaji peruntukan ini dan bercadang supaya kesalahan di bawah seksyen "372, 372A, 372B, 376B dan 377CA" Kanun Keseksaan, yang merupakan kesalahan seksual, turut dimasukkan sebagai kesalahan yang wajib dilaporkan.

81. Jawatankuasa berpendapat adalah perlu untuk memasukkan kesalahan-kesalahan seksual di bawah seksyen 13 KTJ supaya mana-mana orang yang mempunyai maklumat tentang kesalahan tersebut bertanggungjawab untuk memberi

maklumat itu kepada polis. Ini akan membolehkan kesalahan seksual itu disiasat dan orang yang melakukan kesalahan itu dihadapkan ke mahkamah.

82. Jawatankuasa juga sedar beberapa pihak menyeru supaya kesalahan rogol di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan tidak dijadikan sebagai kesalahan yang wajib dilaporkan. Mereka berhujah bahawa mungkin terdapat keadaan di mana ibu bapa yang mengetahui anaknya dirogol dan enggan buat laporan untuk mengelakkan nama baik anaknya tercemar dan peluang perkahwinannya terjejas.

83. Setelah mempertimbangkan hujah-hujah pihak berkenaan, Jawatankuasa berpendapat, seksyen 376 hendaklah dijadikan sebagai satu kesalahan yang wajib dilaporkan demi kepentingan awam. Kepentingan awam mengatasi kepentingan seseorang individu bagi tujuan pencegahan dan mengatasi kesalahan-kesalahan jenis ini.

Pemeriksaan orang yang ditangkap: seksyen 20A KTJ

84. Pada bulan Jun 2005, negara telah digemparkan dengan kejadian rakaman video seorang tahanan wanita yang telah diarahkan oleh seorang anggota polis melakukan "ketuk ketampi" dalam keadaan berbogel bagi tujuan membuat pemeriksaan tubuh. Insiden ini telah didedahkan oleh salah seorang ahli Parlimen yang juga adalah seorang ahli Jawatankuasa, iaitu YB Puan Teresa Kok Suh Sim. Kejadian yang berlaku di Balai Polis Petaling Jaya itu telah mencetuskan ketidakpuasan hati dan kegusaran orang ramai berhubung dengan tindakan pihak polis itu serta mempersoalkan kewajaran tatacara yang dijalankan oleh pihak polis terhadap tahanan dalam lokap. Kekalutan ini juga telah menimbulkan ketegangan antara Malaysia dengan negara China kerana pada peringkat awal, tahanan wanita yang terbabit dalam insiden itu disangka seorang warganegara China.

85. Berikutan itu, Kerajaan telah menubuhkan suatu suruhanjaya untuk menyiasat insiden tersebut. Suruhanjaya itu yang dinamakan "Suruhanjaya Untuk Menyiasat Prosedur Tetap Operasi, Kaedah-Kaedah Atau Peraturan-Peraturan Berhubung

Dengan Pengendalian Pemeriksaan Tubuh Berkenaan Dengan Penangkapan dan Penahanan Oleh Polis” (selepas ini di rujuk sebagai “Suruhanjaya Pemeriksaan Tubuh”) telah diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Dzaiddin bin Abdullah dan dibantu oleh beberapa ahli lain. Suruhanjaya Pemeriksaan Tubuh telah menjalankan siasatannya berhubung dengan kejadian itu dan akhirnya pada 16 Januari 2006 Suruhanjaya Pemeriksaan Tubuh itu telah mempersembahkan satu laporan hasil penyiasatan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

86. Memandangkan pada masa Laporan Suruhanjaya Pemeriksaan Tubuh itu disiarkan Jawatankuasa masih sedang mempertimbangkan pindaan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah, Jawatankuasa telah mengambil peluang meneliti Laporan tersebut secara mendalam. Jawatankuasa ini tidaklah berhasrat untuk membincangkan secara terperinci berhubung dengan kejadian, siasatan dan juga keputusan Suruhanjaya Pemeriksaan Tubuh kerana perkara tersebut telah dinyatakan secara jelas dalam Laporan tersebut. Jawatankuasa telah membincangkan syor-syor dalam Laporan Pemeriksaan Tubuh itu yang secara langsung membawa kepada pindaan Kanun Tatacara Jenayah.

87. Setelah Jawatankuasa meneliti Laporan Suruhanjaya Pemeriksaan Tubuh, Jawatankuasa telah membuat rumusan seperti yang berikut:

- (a) tidak terdapat apa-apa peruntukan dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (selepas ini dirujuk sebagai “IGSO”), Perintah Tetap Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Kaedah-Kaedah Lokap atau mana-mana perundangan lain yang membenarkan seorang tahanan melucutkan semua pakaiannya dan melakukan ketuk ketampi dalam keadaan berbogel;
- (b) perbuatan ketuk ketampi secara berbogel bukanlah suatu amalan lazim pihak polis;

- (c) meskipun IGSO dan Perintah Tetap Ketua Polis Daerah Petaling Jaya memperuntukkan bahawa pemeriksaan hendaklah dilakukan dengan menghormati maruah seorang tahanan namun perkara itu tidak dipatuhi dengan mengarahkan tahanan berbogel sepenuhnya dan melakukan ketuk ketampi.
- (d) melakukan ketuk ketampi secara berbogel sepenuhnya adalah haram di sisi Islam kerana perbuatan itu melibatkan pendedahan aurat;
- (e) perlakuan membogelkan tahanan dan mengarahkan tahanan untuk melakukan ketuk ketampi melanggar prinsip hak asasi manusia kerana ia tidak berperikemanusiaan, memalukan dan menimbulkan kemarahan tahanan dan tidak boleh diberi justifikasi meskipun atas arahan pihak atasan.

88. Dalam Laporan yang sama, pihak Suruhanjaya Pemeriksaan Tubuh menyatakan bahawa ia telah meneliti beberapa undang-undang tempatan dan juga beberapa undang-undang negara lain berkenaan dengan pemeriksaan terhadap seseorang yang ditangkap, ditahan atau dipenjarakan. Undang-undang tempatan yang berkenaan adalah seperti yang berikut:

- (a) Kanun Tatacara Jenayah – secara khususnya seksyen 17, 19 dan 20;
- (b) Kaedah-Kaedah Lokap 1953;
- (c) Peraturan Penjara 2000; dan
- (d) Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO).

89. Jawatankuasa telah mengambil kira pandangan daripada pihak Polis DiRaja Malaysia dalam merangka prosedur pemeriksaan tubuh. Sehubungan itu, Jawatankuasa mencadangkan seperti yang berikut:

- (a) Kanun Tatacara Jenayah dipinda dengan mengadakan suatu peruntukan yang khusus mengenai pemeriksaan tubuh;
- (b) Tatacara pemeriksaan tubuh itu akan diguna pakai oleh pihak polis dan semua agensi penguatkuasaan;
- (c) Tatacara pemeriksaan tubuh itu akan dimasukkan sebagai Jadual kepada Kanun Tatacara Jenayah dan Jadual itu boleh dipinda oleh Menteri yang bertanggungjawab berhubung dengan Hal Ehwal Keselamatan melalui suatu perintah;
- (d) Empat jenis pemeriksaan tubuh diperkenalkan dan syarat-syarat serta keadaan bagaimana setiap jenis pemeriksaan itu dilakukan akan dijelaskan dalam Jadual tersebut. Empat jenis pemeriksaan itu ialah -
 - (a) pemeriksaan secara menepuk ("pat down search");
 - (b) pemeriksaan dengan menanggalkan pakaian ("strip search");
 - (c) pemeriksaan intim ("intimate search"); dan
 - (d) pemeriksaan intrusif ("intrusive search").

90. Cadangan seksyen baru 20A adalah seperti yang berikut:

"Procedure on search of persons arrested

20A. (1) Any search of a person arrested shall comply with the procedure on body search as specified in the Third Schedule of this Code.

(2) Notwithstanding any written law, the application of the procedure on body search as specified in the Third Schedule shall apply to any search of a person arrested conducted by any officer of any enforcement agency conferred with the power of arrest and search of a person under any law.

(3) The Minister in charge with the internal security may amend the Third Schedule by way of order.”;

91. Kandungan Jadual adalah seperti yang berikut:

- (a) Bahagian I berkenaan dengan tujuan pemeriksaan tubuh;
- (b) Bahagian II berkenaan dengan jenis dan pengendalian pemeriksaan tubuh;
- (c) Bahagian III berkenaan dengan pemeriksaan “pat down”;
- (d) Bahagian IV berkenaan dengan pemeriksaan “strip”;
- (e) Bahagian V berkenaan dengan pemeriksaan “intimate”; dan
- (f) Bahagian VI berkenaan dengan pemeriksaan “intrusive”.

92. Secara ringkas, empat jenis pemeriksaan itu adalah seperti yang berikut:

- (a) Pemeriksaan secara menepuk (“pat down search”) merupakan pemeriksaan yang dilakukan dengan meraba bahagian luar pakaian orang yang ditangkap. Seorang pegawai tidak dikehendaki mendapatkan kebenaran pihak atasannya untuk melakukan pemeriksaan ini. Pelaksanaan dan tatacara pemeriksaan ini dinyatakan dalam perenggan 4, 5 dan 6 Jadual Ketiga.
- (b) Pemeriksaan dengan menanggalkan pakaian (“strip search”) pula merupakan pemeriksaan yang melibatkan pelucutan sebahagian daripada pakaian orang yang ditangkap manakala dia dibenarkan memakai sebahagian lagi pakaiannya semasa pemeriksaan dijalankan. Pemeriksaan ini hanya boleh dilakukan apabila mendapat kebenaran daripada seorang pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor atau pegawai yang berpangkat setara bagi maksud agensi penguatkuasaan lain. Pelaksanaan dan tatacara pemeriksaan ini dinyatakan dalam perenggan 7, 8 dan 9 Jadual Ketiga.

(c) Pemeriksaan intim (“intimate search”) pula ditakrifkan sebagai pemeriksaan rongga tubuh orang yang ditangkap selain mulut, hidung dan telinga dan pemeriksaan ini hanya boleh dijalankan dengan kelulusan seorang pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Penolong Penguasa Polis atau pegawai yang berpangkat setara bagi maksud agensi penguatkuasaan lain. Pelaksanaan dan tatacara pemeriksaan ini dinyatakan dalam perenggan 10, 11 dan 12 Jadual Ketiga.

(d) Akhir sekali pemeriksaan intrusif (“intrusive search”) pula melibatkan pemeriksaan orang yang ditangkap untuk memeriksa apa-apa benda, keterangan, senjata atau kontraband di dalam tubuh atau rongga tubuh dan termasuklah pengeluaran benda-benda tersebut. Pemeriksaan ini hanya boleh dijalankan sama ada oleh seorang pegawai perubatan kerajaan, pegawai perubatan atau pembantu perubatan atau jururawat berdaftar setelah mendapat kelulusan daripada Ketua Polis Daerah atau pegawai yang mempunyai kuasa yang setara dengan Ketua Polis Daerah bagi agensi penguatkuasaan lain. Pelaksanaan dan tatacara pemeriksaan ini dinyatakan dalam perenggan 13, 14 dan 15 Jadual Ketiga.

93. Cadangan Jawatankuasa mengenai pemeriksaan tubuh dalam Jadual Ketiga itu boleh dirujuk dalam Lampiran 6 dan 7 Laporan ini.

Laporan berkaitan dengan status siasatan: seksyen 107A, 110 dan 120 KTJ

94. Seksyen baru 107A bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang yang telah memberi maklumat tentang suatu kesalahan di bawah seksyen 107 meminta pihak polis memberikan laporan kedudukan sesuatu penyiasatan. Pihak polis diperlukan memberi laporan kedudukan penyiasatan –

(a) Jika kesalahan itu adalah kesalahan lazim ditangkap (“seizable offence”);

- (b) Tempoh empat minggu telah luput dari tarikh maklumat itu dilaporkan; dan
- (c) Pemberian laporan itu tidak akan menjejaskan penyiasatan atau pendakwaan.

Pemberi maklumat boleh melaporkan kepada Pendakwa Raya jika pihak polis gagal memberikan laporan kedudukan penyiasatan itu kepadanya. Pendakwa Raya hendaklah memberi arahan kepada Ketua Polis Daerah untuk mengemukakan laporan kedudukan itu kepada pemberi maklumat. Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 memperuntukkan kegagalan mematuhi arahan Pendakwa Raya itu adalah suatu kesalahan. Peruntukan ini merupakan satu peruntukan yang amat disokong oleh orang ramai.

95. Subseksyen 110(4) bertujuan untuk menjadikan kegagalan seseorang pegawai polis mengemukakan laporan tentang maklumat yang diterimanya mengenai sesuatu kesalahan lazim ditangkap kepada Pendakwa Raya, sebagai suatu kesalahan.

96. Cadangan pindaan kepada seksyen 120 adalah bertujuan untuk memperketatkan peruntukan yang sedia ada. Pegawai polis yang membuat siasatan diwajibkan mengemukakan suatu laporan penyiasatannya bersama dengan kertas siasatan mengenai penyiasatan itu kepada Pendakwa Raya dalam tempoh satu minggu selepas tamatnya tempoh tiga bulan dari tarikh pemberian maklumat di bawah seksyen 107. Kegagalan berbuat demikian adalah suatu kesalahan.

97. Jawatankuasa telah dibanjiri dengan bantahan terhadap peruntukan kesalahan seksyen 107A, 110(4) dan 120. Antara pihak-pihak yang membantah ialah-

- (a) Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia;
- (b) Wakil daripada PDRM Johor;
- (c) Supt. Razali bin Basri (individu); dan
- (d) Ahli-ahli Persatuan Pegawai Kanan Polis.

Antara alasan-alasan yang mereka hujahkan adalah seperti yang berikut:

- (a) Orang ramai tidak akan menyertai pasukan polis dengan adanya peruntukan sedemikian. Ini akan menyukarkan pengambilan anggota baru;
- (b) KTJ adalah suatu kanun berkenaan dengan tatacara dan tidak ada peruntukan penghukuman di dalamnya;
- (c) Mereka juga berhujah mengapakah peruntukan-peruntukan sedemikian diwujudkan untuk pihak polis sahaja dan tidak untuk agensi penguatkuasaan lain; dan
- (d) Kegagalan mengemukakan laporan sebagaimana yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan yang dicadangkan itu lebih bersifat perbuatan kecuai dan bukannya suatu jenayah. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk menjadikannya sebagai suatu kesalahan jenayah dan sebaliknya adalah memadai untuk pegawai yang berkenaan dikenakan tindakan tatatertib sahaja.

98. Terdapat beberapa pihak yang menyatakan sokongan mereka terhadap peruntukan kesalahan kerana gagal mengemukakan laporan sebagaimana yang dinyatakan di bawah 107A, 110(4) dan 120 itu. Antara mereka yang menyokong peruntukan itu ialah-

- (a) DAP Johor;
- (b) DAP Penang;
- (c) Majlis Peguam Malaysia; dan
- (d) Persatuan Pembayar Hasil Cukai Kawasan Ipoh (IRATA).

Mereka yang menyokong peruntukan tersebut menyatakan bahawa apabila suatu laporan polis dibuat amat sukar untuk mereka mendapat maklum balas tentang status siasatan yang telah dijalankan ekoran daripada laporan polis mereka itu. Mereka berpendapat dengan adanya peruntukan kesalahan dalam peruntukan tersebut, pihak polis akan menjadi lebih bertanggungjawab dan perlu memberi maklum balas mengenai status siasatan yang dijalankan kepada orang ramai dengan sewajarnya.

99. Jawatankuasa juga maklum bahawa perkara ini merupakan salah satu isu yang dibincangkan secara panjang lebar di dalam Laporan Suruhanjaya PDRM. Malah ia merupakan kategori aduan yang besar.

100. Setelah mempertimbangkan semua maklum balas termasuk pandangan Peguam Negara sendiri serta Laporan Suruhanjaya PDRM, Jawatankuasa bersetuju supaya peruntukan kesalahan di bawah seksyen 107A, 110(4) dan 120 itu dimansuhkan. Ini adalah selaras dengan kedudukan di negara Australia dan New Zealand yang perbuatan cuai tidak boleh dijadikan sebagai kesalahan jenayah. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa telah mengambil kira bahawa jika seorang pegawai polis yang gagal mematuhi kehendak seksyen 107A, 110(4) dan 120, tindakan boleh diambil terhadapnya di bawah seksyen 175 Kanun Keseksaan iaitu suatu peruntukan berkenaan kegagalan seseorang untuk mengemukakan dokumen kepada penjawat awam dalam kes-kes yang sewajarnya.

Tatacara berkaitan dengan kes-kes melibatkan keganasan: seksyen 106A, 106B dan 106C KTJ

101. Seksyen 106A, 106B dan 106C adalah berhubung dengan penguatkuasaan dan siasatan kesalahan keganasan. Seksyen baru 106A mengtakrifkan beberapa ungkapan tertentu termasuk ungkapan "kesalahan keganasan". Seksyen 106B memberi pegawai polis kuasa untuk menangkap tanpa waran seseorang yang telah melakukan atau yang sedang melakukan atau mana-mana pegawai polis mempunyai alasan

munasabah untuk mengesyaki seseorang itu telah melakukan atau sedang melakukan kesalahan keganasan.

102. Seksyen baru 106C memberikan kuasa kepada Pendakwa Raya untuk membenarkan mana-mana pegawai polis untuk memintas komunikasi tertentu jika Pendakwa Raya berpendapat bahawa komunikasi itu berkemungkinan mengandungi maklumat yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan keganasan. Maklumat yang diperoleh sedemikian, sama ada sebelum atau selepas orang yang berkenaan dipertuduh, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

103. Beberapa pihak telah mengemukakan pandangan mereka berhubung dengan cadangan seksyen 106A, 106B dan 106C. Antara pihak-pihak yang telah mengemukakan pandangan mereka ialah:

- (a) Persatuan Bekas-Bekas Polis Malaysia;
- (b) SUARAM
- (c) Parti Gerakan (Penang);
- (d) ALIRAN;
- (e) JAG - VAW (Penang);
- (f) Parti Gerakan (Perak);
- (g) Encik Syed Tariq (UIA)
- (h) Dr. Abdul Rani (UIA);
- (j) Kumpulan Pengakap Sarawak;
- (k) Persatuan Alumni Pengajian Tinggi Warga Melaka (PATIM);
- (l) Encik Ahmad Misbah bin Md Jan (Melaka);
- (m) Jawatankuasa Peguam Melaka;
- (n) DAP Pulau Pinang;

- (o) Prof. Madya Talat Mahmood Abdul Rashid (UM);
- (p) SUHAKAM;
- (q) Jawatankuasa Perhubungan MCA Johor;
- (r) Sabah Law Association; dan
- (s) Majlis Peguam Malaysia;

Isu-isu yang telah dibangkitkan adalah seperti yang berikut:

- (a) Takrif “kesalahan keganasan” adalah terlalu luas;
- (b) Kuasa-kuasa penangkapan yang diberi kepada pihak polis di bawah seksyen 106B adalah terlalu luas;
- (c) Sama ada perlu diadakan kuasa-kuasa untuk memintas komunikasi;
- (d) pemberian kuasa untuk membenarkan mana-mana pegawai polis untuk memintas komunikasi harus diberi kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi, Majistret atau seorang pegawai polis kanan dan bukannya kepada Pendakwa Raya; dan
- (e) sama ada istilah atau ungkapan “consider that it is likely to contain” di bawah seksyen 106C adalah terlalu luas dan merupakan standard yang terlalu rendah. Mereka mencadangkan perkataan itu digantikan dengan perkataan “has resonable grounds to suspect”.

104. Setelah mempertimbangkan semua maklum balas, pendapat dan pandangan orang ramai, Jawatankuasa memutuskan bahawa peruntukan yang sedia ada adalah wajar dan selaras dengan undang-undang yang sedia ada dan undang-undang sedemikian diperlukan demi kepentingan awam. Kuasa-kuasa ini adalah perlu untuk

membanteras kesalahan keganasan. Kuasa Pendakwa Raya sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 106C adalah wajar kerana tindakan segera perlu diambil untuk beliau memberi kuasa kepada pegawai polis bagi memintas komunikasi tertentu. Pendakwa Raya di negara ini adalah bebas dan tidak terlibat dalam siasatan kes-kes

jenayah. Lagi pun peruntukan yang sama terdapat di dalam Akta Colek 1961 [Akta 365], Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 575] dan Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

Penzahiran praperbicaraan (Pre-trial discovery): seksyen 51A KTJ

105. Beberapa pihak telah mengemukakan pandangan mereka untuk mewajibkan pihak pendakwaan membekalkan kepada pihak pembelaan mana-mana dokumen atau laporan yang akan menjadi sebahagian daripada kes pendakwaan sebelum perbicaraan dimulakan. Pemberian apa-apa dokumen atau laporan yang akan dikemukakan oleh pihak pendakwaan dalam kesnya kepada pihak pembelaan akan memberi peluang kepada pihak pembelaan untuk menyediakan kes mereka dengan lebih sempurna. Ini akan membawa keadilan bukan sahaja kepada tertuduh tetapi juga kepada semua pihak. Selain itu, ia akan menjimatkan masa mahkamah di mana pihak pembela tidak akan memohon untuk penangguhan jika dokumen-dokumen tersebut diberi lebih awal. Pada masa ini kes-kes sering ditangguhkan untuk memberi peluang kepada pihak pembelaan mengkaji dan meneliti dokumen dan laporan yang dikemukakan semasa perbicaraan. Tiada apa-apa ketidakadilan berlaku kepada pihak pendakwaan memandangkan dokumen atau laporan ini akan dikemukakan di mahkamah di mana satu salinan diberi kepada pembelaan semasa perbicaraan.

106. Jawatankuasa juga berpendapat fakta-fakta yang material kepada pembelaan yang diperolehi oleh pihak pendakwaan semasa siasatan tidak semestinya diketahui oleh pihak pembelaan. Ini akan menjejaskan kes pembelaan jika pembelaan tidak mengetahui fakta-fakta yang material ini. Sehubungan itu, Jawatankuasa berpendapat

bahawa fakta-fakta yang material kepada pembelaan yang diperoleh semasa siasatan hendaklah diberi kepada pihak pembelaan demi keadilan sesuatu kes.

Tafsiran *prima facie*: seksyen 173(f) dan 180 KTJ.

107. Perenggan 173 KTJ telah dipinda dengan memasukkan maksud ungkapan *prima facie* bagi perbicaraan di mahkamah rendah. Ini merupakan susulan daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen ini melalui Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997 [A979] berkuat kuasa pada 31 Januari 1997. Walau bagaimanapun takrif ungkapan *prima facie* tidak dijelaskan dalam pindaan tersebut. Pindaan tersebut telah dibuat untuk mengatasi penghakiman dalam kes *Arulpragasam a/l Sandaraju v Pendakwa Raya* [1996] 4 CLJ 597, yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan pada Julai 1996.

108. Dengan majoriti, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa tahap atau standard pembuktian yang dikehendaki di akhir kes pendakwaan ialah tahap "melampaui keraguan munasabah" ("beyond reasonable doubt"). Hasrat Parlimen ketika membuat pindaan tersebut adalah untuk mengembalikan prinsip dalam kes *Haw Tua Tau v PP* (1981). Nota Penjelasan dalam Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997 adalah berkaitan. Walau bagaimanapun berdasarkan perkembangan undang-undang sejak pindaan Akta A979 mahkamah di Malaysia telah membangkitkan tafsiran *prima facie* semula. Kes *Looi Kow Chai lwn PP* [2003] 1 CLJ 734 yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam tahun 2003 dan *Balachandran lwn PP* [2005] 1 CLJ 85 yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam tahun 2005 adalah berkaitan.

109. Jawatankuasa berpendapat bahawa dengan keadaan undang-undang yang terpakai sekarang, hasrat Parlimen melalui pindaan Akta A979 itu telah tidak tercapai. Sehubungan itu Jawatankuasa bercadang memberi suatu tafsiran kepada ungkapan *prima facie* iaitu "Where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction." Ini akan memberi "certainty" kepada undang-undang. Pindaan yang sama juga dibuat

kepada seksyen 180 berkaitan perkara yang sama iaitu bagi maksud perbicaraan di Mahkamah Tinggi.

Hak tertuduh di akhir kes pendakwaan: seksyen 173 KTJ

110. Pindaan kepada perenggan 173(ha) bertujuan memperuntukan secara khusus tiga pilihan pembelaan kepada tertuduh iaitu sama ada beliau hendak memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi, memberi keterangan dari kandang tertuduh atau berdiam diri. Cadangan pindaan asal juga memperuntukkan bahawa jika tertuduh memilih untuk memberi pernyataan secara tidak bersumpah dari kandang tertuduh dan pembelaannya berkaitan dengan pernyataan beramaran yang merupakan sebahagian daripada keterangan pendakwaan, beliau boleh diperiksa balas oleh pendakwa.

111. Orang ramai membantah dengan keras cadangan pindaan yang membolehkan pendakwaan menyoal balas tertuduh mengenai pemberian pernyataan secara tidak bersumpah dari kandang tertuduh jika pembelaannya menyentuh pernyataan beramarannya yang telah menjadi sebahagian daripada kes pendakwaan. Mereka menghujahkan bahawa prosedur ini adalah bertentangan dengan undang-undang sedia ada.

112. Jawatankuasa setelah mempertimbangkan maklum balas serta kedudukan undang-undang, bersetuju dengan pendapat orang ramai bahawa adalah tidak adil untuk membenarkan pihak pendakwaan memeriksa balas tertuduh mengenai pemberian pernyataan tidak bersumpah. Sehubungan itu, Jawatankuasa mencadangkan peruntukan ini dimansuhkan.

Keterangan secara langsung melalui video atau televisyen: seksyen 272B KTJ

113. Jawatankuasa telah menerima beberapa pandangan positif daripada orang ramai berhubung dengan seksyen baru 272B yang diperkenalkan melalui Rang

Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Antara pihak yang telah memberikan pandangan itu ialah:

- (a) DAP Pulau Pinang;
- (b) ALIRAN;
- (c) JAG -VAW (Pulau Pinang);
- (d) SUHAKAM; dan
- (e) Sarawak Law Association.

114. Seksyen baru ini akan membolehkan seorang saksi, selain tertuduh, dengan kebenaran mahkamah, untuk memberikan keterangan secara langsung melalui rakaman video atau siaran televisyen dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan demi kepentingan keadilan.

115. Secara keseluruhan, seksyen baru ini mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai kerana memberikan peluang kepada saksi untuk memberi keterangan secara bebas tanpa rasa takut atau terancam. Lebih-lebih lagi, sekiranya saksi itu sedang berhadapan dengan tertuduh dalam perbicaraan di mahkamah terbuka khususnya seorang kanak-kanak.

116. Namun begitu, terdapat beberapa bantahan yang diberikan terhadap seksyen 272B iaitu pemakaian seksyen ini tertakluk kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam subseksyen 272B(2) ini seperti yang berikut:

“(1)

(2) Subsection (1) shall apply in relation to the following offences:

- (a) an offence which involves as assault on, or an injury or a threat of injury, to persons including but not limited to sections 319 to 338 of the Penal Code;

- (b) an offence under sections 354 to 358 and sections 376, 376B, 377, 377B, 377C, 377D and 377E of the Panel Code; and
- (c) such other offences as the Minister may, after consulting the Chief Justice and the Public Prosecutor, prescribe.”

117. Mereka berpendapat bahawa subseksyen (2) telah menyempitkan pemakaian seksyen 272B kepada keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b) dan (c) sahaja. Dalam perenggan (a) dan (b) misalnya, jenis-jenis kesalahan yang dinyatakan adalah kesalahan yang melibatkan “assault on, or an injury or a threat of injury” dan beberapa kesalahan-kesalahan seksual yang disenaraikan dalam perenggan (b). Perenggan (c) bermaksud bahawa Menteri boleh menetapkan kesalahan-kesalahan lain setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara dan Pendakwa Raya.

118. Dalam keadaan tersebut, subseksyen (2) itu dikatakan boleh menimbulkan masalah apabila ada keadaan kesalahan-kesalahan lain yang tidak terjatuh di bawah perenggan (a) dan (b) yang mahkamah fikirkan wajar supaya keterangan secara langsung melalui video atau televisyen diberikan oleh saksi. Meskipun perenggan (c) membolehkan kesalahan-kesalahan lain ditetapkan tetapi ia melibatkan beberapa proses tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan tersebut. Proses ini akan mengambil masa yang panjang untuk sesuatu kesalahan lain itu ditetapkan sebagai kesalahan yang membolehkan keterangan secara langsung melalui video atau televisyen diberikan oleh saksi.

119. Jawatankuasa memutuskan untuk memotong subseksyen (2) supaya semua jenis kesalahan boleh dibicarakan dengan menggunakan keterangan secara langsung melalui video atau televisyen.

120. Walaupun Pendakwa Raya atau peguam tertuduh boleh memohon untuk keterangan secara langsung melalui video atau televisyen diberikan oleh seorang saksi, namun kebenaran untuk mengemukakan keterangan tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Tanggungjawab kesalahan-kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia: seksyen 127A KTJ

121. Pindaan kepada subseksyen 127A(1) bertujuan untuk meluaskan pemakaian dalam kesalahan terhadap negara dan kesalahan keganasan itu di bawah Bab VI dan Bab VIA Kanun Keseksaan.

Hukuman sebatan kepada penjenayah berumur lebih daripada 50 tahun untuk kesalahan seksual: seksyen 289 KTJ

122. Banyak pihak telah memberi pandangan terhadap seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah semasa pendengaran prosiding Jawatankuasa. Antara pihak-pihak yang menyatakan sokongan berhubung dengan cadangan pindaan itu ialah:

- (a) JAG-VAW;
- (b) Kumpulan Pengakap Sarawak;
- (c) Parti Gerakan Negeri Perak;
- (d) Encik Ismail Azam Shah (individu – Perak)
- (e) Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Johor;
- (f) Puteri UMNO Johor;
- (g) Puteri UMNO Melaka;
- (h) YB Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka); dan
- (i) Puteri UMNO Pahang.

123. Cadangan pindaan seksyen 289 ini bertujuan membenarkan hukuman sebat dilaksanakan ke atas pesalah lelaki yang berusia lima puluh tahun atau lebih, di bawah seksyen 376 ("rape"), 377C ("buggery with animal") atau 377E ("inciting a child to an act of gross indecency").

124. Menurut pendapat ramai, faktor usia tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mereka terlepas daripada hukuman sebat kerana kesalahan itu amatlah serius dan menjijikkan.

125. Di sebalik pandangan yang menyokong pindaan tersebut, terdapat pula pandangan yang membantahnya. Antara yang tidak bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut ialah-

- (a) Sarawak Law Association;
- (b) Persatuan Pembayar Hasil Cukai Kawasan Ipoh (IRATA);
- (c) Encik L. Bernard (individu - Perak); dan
- (d) SUHAKAM.

Antara alasan yang diberikan bahawa hukuman sebatan ke atas pesalah yang berusia lebih 50 tahun adalah membahayakan kerana faktor kesihatan pesalah itu perlu diambil kira. Malah lebih baik menurut mereka, hukuman penjara yang lebih dikenakan ke atas mereka kerana hukuman sebat itu tidak membawa kepada sebarang perubahan dan kesalahan tetap dilakukan oleh mereka walaupun undang-undang mengenai sebatan sudah lama diperkenalkan dalam kes-kes sedemikian.

126. Pihak SUHAKAM pula berpendirian bahawa hukuman sebatan merupakan hukuman yang tidak berperikemanusiaan kerana dianggap kejam. Oleh itu, selain tidak menyokong pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 289 itu, SUHAKAM juga tidak menyokong hukuman sebatan.

127. Berdasarkan semua pandangan yang diterima, Jawatankuasa bersetuju untuk mengekalkan pindaan itu dengan menambahkan seksyen 377CA sebagai salah satu lagi kesalahan yang melibatkan hukuman sebat walaupun pesalah itu umurnya melebihi 50 tahun.

Perintah Khidmat Masyarakat: seksyen 293 KTJ.

128. Jawatankuasa mencadangkan supaya Perintah Khidmat Masyarakat diwujudkan sebagai suatu pilihan bagi pemulihan pesalah muda selain pemenjaraan. Pindaan yang dicadangkan bagi perenggan 293(e) Kanun Keseksaan adalah seperti yang berikut –

“untuk membuat suatu perintah yang menghendaki pesalah muda melaksanakan khidmat masyarakat, tidak melebihi 240 jam pada keseluruhannya, jenis dan masa dan tempat dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh mahkamah;”

Dalam perenggan ini, “khidmat masyarakat” ertinya apa-apa kerja, perkhidmatan atau “course of instruction” yang dilakukan untuk kebaikan awam pada amnya dan termasuklah, kerja yang dilaksanakan itu melibatkan pembayaran kepada penjara atau pihak berkuasa tempatan.”

Pelaksanaan perintah ini hendaklah di bawah Kementerian yang bertanggungjawab bagi wanita, keluarga dan masyarakat.

129. Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat yang dicadangkan adalah berdasarkan model dari negara Singapura di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan.

130. Jawatankuasa telah mendengar maklum balas daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Suatu kertas kerja telah

dikemukakan kepada Jawatankuasa dan Jawatankuasa menerima berhubung dengan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat yang dicadangkan. Berdasarkan penjelasan mereka Perintah Khidmat Masyarakat boleh dibuat ke atas pesalah muda yang berumur di antara 18 hingga 21 tahun yang menghendaki orang itu melaksanakan kerja tanpa bayaran bagi tempoh tidak kurang 40 jam dan tidak melebihi 240 jam pada keseluruhannya. Bilangan jam yang ditentukan oleh Mahkamah mestilah diselesaikan dalam tempoh satu tahun dari tarikh Perintah itu dibuat.

131. Program ini bermatlamat untuk mencegah kesalahan dilakukan pada masa depan dengan mengembalikan semula mereka ke dalam masyarakat melalui:

- (a) hukuman – dengan melucutkan masa lapang pesalah dan memberikan suatu tanggungjawab ke atas mereka untuk dilaksanakan;
- (b) pemulihan – dengan merangsang tanggungjawab sosial dan menjadikan khidmat masyarakat suatu pengalaman berfaedah kepada pesalah; dan
- (c) penginsafan – untuk mewujudkan ruang bagi pesalah membuat pemulihan akhlak dan menawarkan faedah nyata kepada masyarakat.

132. Penempatan pesalah muda dengan suatu agensi yang dipertanggungjawabkan hendaklah dibuat dalam masa 21 hari bekerja selepas menerima perintah Mahkamah. Penempatan hendaklah memenuhi kriteria yang berikut–

- (a) memeras secara fizikal atau emosi atau intelek supaya tahap kesulitan dan usaha yang dikehendaki akan menjadi ketara;
- (b) direka untuk menunjukkan kepada masyarakat bahawa kerja yang dijalankan oleh pesalah akan memberi faedah kepada masyarakat; dan
- (c) merangsang dalam diri pesalah suatu perasaan tanggungjawab peribadi dan disiplin diri.

133. Setiap penempatan Perintah Khidmat Masyarakat hendaklah tidak kurang dari 3 jam setiap minggu dan tidak melebihi 44 jam seminggu, tidak termasuk masa

perjalanan ke tempat perintah khidmat masyarakat dan sebaliknya. Masa bekerja hendaklah tidak melebihi 8 jam.

134. Kerja khidmat masyarakat hendaklah dijalankan tanpa sekatan hari bagi pesalah muda kecuali mereka yang masih belajar. Bagi mereka yang masih di institusi pengajian, kerja khidmat masyarakat hendaklah dijalankan pada hujung minggu, cuti dan petang hari Isnin hingga hari Jumaat dan cuti sekolah. Penempatan kerja khidmat masyarakat hendaklah menyekat kebebasan pesalah dan mengambil kira tanggungjawabnya dan bukan keselesaan.

135. Agensi yang dipertanggungjawabkan bagi penyertaan dalam program Perintah Khidmat Masyarakat hendaklah mempunyai-

- (a) kebolehan untuk mengadakan pelbagai program untuk membantu menyesuaikan khidmat masyarakat setimpal dengan kesalahan;
- (b) kesanggupan untuk bekerja secara dekat dengan agensi pelaksana masing-masing; dan
- (c) komitmen untuk memulihkan pesalah.

136. Agensi yang dipertanggungjawabkan menyediakan penempatan khidmat masyarakat hendaklah diberi maklumat secara bertulis sebelum penempatan bermula. Maklumat itu hendaklah mengandungi-

- (a) maksud atau tujuan kerja khidmat masyarakat;
- (b) apa yang diharapkan daripada mereka sebagai agensi penempatan; dan
- (c) apa yang diharapkan daripada pesalah.

137. Penyeliaan kawasan hendaklah dilakukan oleh agensi yang menyediakan penempatan. Ini hendaklah termasuk mengawasi ketepatan dan tabiat kerja pesalah. Pesalah wanita hendaklah diselia oleh penyelia wanita, kecuali bagi projek

berkumpulan. Bagi projek berkumpul, penyeliaan bersama boleh dilakukan oleh agensi dan Pegawai Khidmat Masyarakat.

138. Apa-apa kegagalan untuk mematuhi kehendak perintah khidmat masyarakat hendaklah ditangani oleh Pegawai Khidmat Masyarakat dalam masa dua hari bekerja apabila diberitahu oleh penyelia kawasan agensi kerja. Pegawai Khidmat Masyarakat hendaklah juga memberitahu Pegawai Akhlak masing-masing mengenai pelanggaran syarat-syarat. Tindakan yang perlu diambil dalam keadaan tersebut –

- (a) Pegawai Akhlak hendaklah memberitahu Mahkamah dan memulakan prosiding pelanggaran dalam masa 14 hari bekerja setelah pelanggaran diketahui;
- (b) jika keputusan adalah untuk tidak memulakan tindakan pelanggaran, pesalah hendaklah diberi suatu amaran bertulis mengenai akibat kegagalan selanjutnya. Amaran itu hendaklah disahkan penerimaannya oleh pesalah sendiri atau dalam keadaan sebaliknya salinan amaran itu diletakkan dalam rekod pesalah; dan
- (c) jika perbuatan pesalah menghendaki tindakan pelanggaran, Pegawai Akhlak hendaklah mengambil tindakan mahkamah yang sesuai untuk perubahan atau pembatalan Perintah. Penempatan perintah khidmat masyarakat hendaklah digantung sementara prosiding pelanggaran belum selesai.

139. Notis penamatan hendaklah dikeluarkan kepada agensi yang dipertanggungjawabkan apabila penempatan Perintah Khidmat Masyarakat selesai dalam masa 7 hari bekerja. Penilaian hendaklah diadakan dengan agensi, pesalah dan ibu bapa pesalah mengenai kemajuan penempatan perintah khidmat masyarakat dalam masa 20 hari bekerja selepas hari terakhir kerja khidmat masyarakat disempurnakan. Pegawai Khidmat Masyarakat hendaklah mengemukakan suatu laporan penilaian

prestasi pesalah mengenai penempatan kerja kepada Pegawai Akhlak masing-masing dan laporan penyelesaian perintah akan diserahkan kepada Mahkamah.

140. Jika program ini dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mencadangkan supaya diadakan suatu perjanjian perkhidmatan dengan agensi yang dipertanggungjawabkan dan bantuan kewangan diberikan kepadanya berdasarkan setiap penempatan pesalah jika relevan. Walau bagaimanapun, dalam hal pesalah muda, Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [Akta 461] perlu dipinda untuk membenarkan Pegawai Kebajikan Masyarakat menyelia penempatan pesalah di agensi kerja yang dipilih. Ini kerana Akta itu terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Penjara.

141. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa Perintah Khidmat Masyarakat akan dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi pesalah muda dan ini mungkin menyebabkan implikasi terhadap keperluan tenaga manusia dan peruntukan kewangan tambahan untuk membolehkan penguatkuasaan program yang efektif terutamanya yang berkaitan dengan penyeliaan dan pentadbiran keseluruhan program. Jabatan juga tidak mempunyai kapasiti untuk menjalankan program berdasarkan kekuatan kakitangan dan kewangan yang sedia ada.

Kaunseling pemulihan bagi pesalah seksual: seksyen 295 KTJ

142. Pindaan kepada seksyen 295 bertujuan menghendaki seorang pesalah yang dihukum di bawah seksyen 376, 377C atau 377E Kanun Keseksaan menjalani pengawasan polis dan juga kaunseling pemulihan semasa dalam pusat tahanan.

143. Jawatankuasa telah berbincang dengan wakil daripada Jabatan Penjara berhubung dengan cadangan pindaan ini dan telah mendapat sambutan positif. Mereka telah merangka satu modul khusus bagi kaunseling pemulihan bagi pesalah seksual. Modul ini disediakan untuk memberikan bentuk pemulihan yang seragam kepada

semua pesalah seksual tanpa membezakan tempoh hukuman dan jenis kesalahan seksual yang dilakukan.

144. Sebagai latar belakang berhubung dengan pesalah seksual, Jabatan Penjara telah mengemukakan statistik mengenai kes jenayah seksual yang berakhir pada 17 April 2006 adalah seperti berikut:

Banduan Sabitan

BANGSA	354 KK	376KK	377 KK	JUMLAH
Melayu	99	370	27	496
Cina	7	37	1	45
India	18	41	2	61
Bangsa lain	2	45	3	50
Warga negara asing	13	34	1	48
JUMLAH	139	527	34	700

Banduan Reman

BANGSA	354 KK	376KK	377 KK	JUMLAH
Melayu	29	177	22	228
Cina	5	13	2	20
India	5	48	7	60
Bangsa lain	5	9	1	15
Warga negara asing	11	18	0	29
JUMLAH	55	265	32	352

145. Antara objektif utama modul pesalah seksual ini ialah :

- (a) memberi pendidikan mengenai seks ("sex education") dan perlakuannya;
- (b) mendidik pesalah supaya menghormati dan melindungi wanita, anak-anak serta individu;
- (c) menanam perasaan kasih dan sayang di kalangan pesalah;
- (d) memberi penekanan dalam pemulihan fizikal dan mental pesalah seksual bagi memastikan mereka menjalani kehidupan yang sihat dan lebih baik dari masa mereka mula masuk ke penjara;
- (e) menumpukan lebih perhatian kepada program kerohanian melalui pendekatan keagamaan dan moral bagi membentuk individu yang berfikiran positif dalam kehidupan;
- (f) melatih banduan supaya menjadi individu berguna dan produktif selaras dengan norma-norma sosial;
- (g) meningkatkan kefahaman dan pengetahuan kepada banduan tentang pemupukan disiplin dan pengukuhan sahsiah dalam diri mereka;
- (h) memberi peluang kepada mereka mendalami kemahiran sosial dan vokasional di penjara; dan
- (i) memupuk nilai kesedaran dan keinsafan dalam diri banduan supaya ia menjadi pengajaran yang berguna dalam mencapai cabaran dan dugaan hidup selepas dibebaskan.

146. Pada masa kini perkhidmatan kaunseling diberikan kepada semua banduan yang sedang menjalani hukuman di penjara yang terlibat dengan berbagai kesalahan termasuklah kes seksual. Jabatan Penjara Malaysia bermula menawarkan perkhidmatan kaunseling pada awal 1980an. Kursus asas kaunseling pertama dianjurkan oleh Jabatan pada akhir tahun 1979.

147. Pada tahun 1990 sejumlah 150 perjawatan yang terdiri daripada pegawai penjara berpangkat Inspektor Penjara telah diperuntukkan bagi melaksanakan tugas-tugas sebagai Pegawai Rundingcara. Namun demikian perjawatan tersebut semakin berkurangan apabila berlaku proses kenaikan pangkat pegawai-pegawai tersebut. Walaupun usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan pegawai-pegawai sering menjadi perhatian dan tumpuan jabatan, namun bilangan pegawai yang mempunyai Diploma Psikologi dan Sarjana masih jauh dari mencukupi untuk memastikan tumpuan sepenuhnya diberikan ke atas kepelbagaian program yang dirancangkan. Statistik bilangan kakitangan yang telah menerima latihan di bidang kaunseling daripada institusi pengajian awam dan Jabatan adalah seperti yang berikut:

BIL	PERINGKAT	JUMLAH
1	Sijil Asas Kaunseling (Jabatan)	242
2	Diploma Kaunseling	40
3	Ijazah Kaunseling	2
	JUMLAH	284

148. Menurut Jabatan Penjara, cabaran utama perkhidmatan rawatan dan pemulihan penjenayah seksual dalam penjara ialah keperluan pegawai dan kakitangan yang terlatih dalam menguruskan rawatan dan pemulihan serta membangun dan melaksanakan program rawatan dan pemulihan. Sekiranya diambil kira nisbah pegawai rundingcara – banduan yang terdapat di institusi penjara seluruh Malaysia dan dibandingkan dengan nisbah ideal yang disyorkan oleh Persatuan Kaunselor Malaysia 1: 50 amatlah ketara betapa kurangnya bilangan kaunselor yang terdapat di institusi

penjara Malaysia. Nisbah semasa di antara Kaunselor dengan penghuni sekarang adalah 1:212.

149. Berhubung dengan masalah di atas Jawatankuasa bersependapat dengan Jabatan Penjara bahawa langkah-langkah yang berikut perlu diambil:

- (a) pewujudan perjawatan baru skim perkhidmatan kaunselor di bidang pengkhususan psikologi serta memberi latihan yang berterusan.
- (b) menyusun semula pegawai runding cara di institusi penjara.

150. Setelah mempertimbangkan keterangan wakil daripada Jabatan Penjara Jawatankuasa berpendapat bahawa pendekatan psikologi di dalam rawatan pemulihan pesalah seksual adalah pendekatan terbaik untuk menangani kelompok kumpulan ini kerana kebanyakannya menjalani tempoh penahanan yang lama. Kegagalan melaksanakan pemulihan ke atas penghuni mengakibatkan mereka keluar selepas tamat tempoh hukuman dalam keadaan yang lebih "embittered and hostile" terhadap masyarakat.

BAHAGIAN IV

KESIMPULAN

151. Hasrat murni Jawatankuasa dalam proses penggubalan undang-undang ini adalah memenuhi harapan rakyat yang inginkan ketelusan dan keberkesanan perundangan serta tuntutan cabaran penguatkuasaan yang dipikul oleh agensi-agensi yang terlibat.

152. Jawatankuasa telah mengamalkan sikap keterbukaan dan akauntabiliti dengan mengkaji sedalam-dalamnya pandangan dan maklum balas orang ramai. Hasilnya, beberapa perubahan yang ketara telah disyorkan kepada peruntukan-peruntukan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.

153. Syor-syor yang dikemukakan adalah seiras dengan pengislahan undang-undang yang terkini akibat proses globalisasi yang semakin menuntut pemeliharaan hak asasi individu. Jawatankuasa juga telah mengkaji maklum balas individu dan wakil masyarakat mengenai isu penyalahgunaan kuasa pelbagai agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Hasil rumusan penelitian tersebut, Jawatankuasa telah menggubal dan mengesyorkan peruntukan undang-undang berikut:

- (a) penggunaan kekerasan suami terhadap isterinya dengan tujuan mengadakan hubungan seks sebagai suatu kesalahan;
- (b) memperluas deskripsi rogol di bawah seksyen 375 yang melibatkan soal keizinan yang tidak sah;
- (c) kebenaran menghubungi saudara dan peguam pilihan kepada orang yang direman;

- (d) memberi kuasa kepada Mahkamah menjatuhkan hukuman tambahan kepada pesalah-pesalah jenayah seksual untuk menjalani kaunseling pemulihan akhlak;
- (e) mewujudkan peruntukan undang-undang jenayah keganasan (terrorism) yang menyeluruh demi keselamatan orang ramai;
- (f) memansuhkan peruntukan pernyataan beramaran (caution statement) di bawah seksyen 113 dan 115 KTJ demi menegakkan keadilan terhadap tertuduh;
- (g) menambah baru peruntukan pengemukaan fakta dan dokumen praperbicaraan ("pre-trial discovery") kepada pihak tertuduh;
- (h) memperkenalkan peruntukan baru yang membolehkan pesalah-pesalah muda menjalani perkhidmatan masyarakat;
- (i) memperkenalkan peruntukan baru mengenai bentuk dan kaedah pemeriksaan tubuh suspek; dan
- (j) menggolongkan kesalahan ragut sebagai kesalahan rompak yang boleh dikenakan hukuman 14 tahun penjara di bawah seksyen 392.

154. Penyertaan aktif semua lapisan masyarakat dan institusi-institusi yang berkaitan melambangkan kesuburan dan dinamisme proses kematangan perundangan sistem demokrasi berparlimen. Justeru itu, proses penggubalan dan pindaan susulan berterusan perlu dilakukan demi mengemaskinikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada.

155. Berdasarkan syor-syor dalam Laporan Jawatankuasa ini, beberapa pindaan berbangkit perlu dikaji. Di antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Akta Koroner yang baru bagi membolehkan penubuhan Mahkamah Koroner, pelantikan Koroner dan prosedur-prosedur inkues;
- (b) Menyeragamkan peruntukan berkaitan status laporan polis dengan undang-undang agensi-agensi penguatkuasaan selain daripada polis; dan
- (c) Pindaan-pindaan kepada akta-akta lain yang tidak termasuk dalam bidang kuasa Jawatankuasa ini.

156. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang berikut kerana memberi sumbangan yang amat bererti dalam membantu Jawatankuasa dalam melaksanakan tugasnya dan menyiapkan laporan ini iaitu, pegawai dan kakitangan Parlimen, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Dewan Perundangan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dan Polis Diraja Malaysia.

157. Jawatankuasa juga merakamkan terima kasih kepada semua orang ramai dan juga wakil-wakil daripada pelbagai pertubuhan dan Jabatan Kerajaan yang telah tampil ke hadapan menyuarakan pandangan serta cadangan-cadangan yang membina termasuklah mereka yang telah menghantar memorandum dan emel, mengirim surat dan sebagainya.

Bertarikh: 8 Mei 2006

Dato' Seri Mohd. Radzi Bin Sheikh Ahmad
(Kangar)
Pengerusi,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
(Santubong)

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy
(Cameron Highlands)

Puan Tan Ah Eng
(Gelang Patah)

Tuan Donald Peter Mojuntin
(Penampang)

Dato' Che Min bin Che Ahmad
(Pasir Puteh)

Puan Teresa Kok Suh Sim
(Seputeh).